

Volume III
No. 34



Monday
22nd January, 1962

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

MOTION—

Death of Dato' Onn bin Ja'afar, D.K., D.P.M.J.
(Message of Condolence to Datin Onn & Members
of Family) [Col. 3407]

BILL—

THE SUPPLY BILL, 1962—
Committee of Supply (Tenth Allotted Day)—
Heads 24 and 25 [Col. 3426]
Heads 26—28 [Col. 3485]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the First Dewan Ra'ayat

Monday, 22nd January, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Prime Minister and Minister of External Affairs,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and
Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior,
DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.
(Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka
Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' SULEIMAN BIN DATO'
HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister of Transport, DATO' SARDON BIN HAJI JUBIR,
P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE
LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED
KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN
HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID
KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P.
(Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI
ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

- The Honourable the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).

- The Honourable ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- .. ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- .. ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- .. CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- .. ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- .. ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- .. ENCHE' LEE STOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- .. ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- .. DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- .. ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- .. ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- .. ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- .. ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- .. ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- .. ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- .. DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- .. ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- .. ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- .. ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- .. ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- .. ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- .. TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- .. TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- .. ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- .. ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- .. DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).

- The Honourable ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
 „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
 „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
 „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
 „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
 „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
 „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
 „ PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
 „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE
 ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
 „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
 „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
 „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
 „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
 „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

MOTION

**DEATH OF DATO' ONN BIN
 JA'AFAR, D.K., D.P.M.J.**

(*Message of Condolence to Datin Onn
 and Members of Family*)

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon minta kebenaran di-bawah Standing Order 14 untuk memberikan ucapan berkenaan kematian Dato' Onn bin Ja'afar. Berkenaan dengan hal ini saya pohon meminta kebenaran membawa satu chadangan ia-itu supaya Dewan ini menchatetkan perasaan dukachita dan sedih hati yang amat sangat diatas kematian Allah Yarham Dato' Onn bin Ja'afar, D.K., D.P.M.J., dan

mengucapkan ta'ziah kepada Datin Onn dan sekalian keluarga-nya.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sekalian sedia ma'alum ia-itu pada 19 haribulan January yang baharu lalu, satu kejadian yang amat menyedehkan telah berlaku dengan kembali-nya karahmatullah sa-orang penganjor yang besar dan mashor didalam gelanggang politik Tanah Melayu, ia-itu Dato' Onn bin Ja'afar, pada masa berumur 67 tahun.

Dengan kehilangan Dato' Onn ini orang² Melayu dan juga ra'ayat negeri ini telah hilang sa-orang penganjor yang besar yang telah membuat banyak jasa²-nya kepada bangsa dan negaranya. Allah Yarham itu telah mencheborkan diri-nya ka-dalam gelanggang politik dari masa muda-nya lagi dan telah menunjukkan kezaman-nya bagi mengangkat taraf kehidupan

bangsa-nya sendiri dan tanah ayer-nya. Tetapi pada masa sa-belum perang dahulu Allah Yarham itu tidak dapat bergerak dengan bebas dan chergas dalam hal ehwal politik sebab pada masa itu penjajah British pada waktu itu telah menchegeh dan menindas sebarang pergerakan yang hendak membangkitkan semangat anak negeri ini. Sa-lain dari itu Kerajaan² negeri² pula yang di-perintah oleh Raja² Melayu telah juga menekan dan menindas dalam pergerakan politik pada waktu itu.

Di-waktu itu siapa juga yang berani membangkitkan semangat kesedaran ra'ayat dalam negeri ini telah di-tindas dengan sekuat²-nya dan jika ia sa-orang pegawai Kerajaan maka jawatan-nya dan perkhidmatan-nya dengan Kerajaan itu lagi tidak terjamin dan tidak akan mendapat kemajuan dalam jawatan-nya itu. Sunggoh pun begitu Dato' Onn bin Ja'afar telah menunjokkan keberaniannya yang luar biasa dan dia sanggup menerima segala akibah daripada perbuatan-nya yang mulia itu. Akhirnya beliau telah berhenti daripada Kerajaan Negeri Johor dan menchari nafkah kehidupannya dengan menjadi sa-orang wartawan dan mengarang buku². Beliau telah terkenal sa-bagai sa-orang pengarang yang progressive dalam akhbar Warta Malaya.

Dekat dengan perang dunia yang kedua beliau telah masok balek bekerja dengan Kerajaan Johor tetapi jawatan yang telah di-berikan kepadanya tidak-lah berpadanan dengan kelayakan dan kebolehan-nya dan pengalaman-nya yang luas itu.

Dengan takdir Allah Subhanahu Wata'ala peluang yang di-tunggu² oleh Allah Yarham itu telah tiba apakala British datang balek ka-Tanah Melayu satelah tamat peperangan dunia yang kedua dengan membawa Perjanjian MacMichael yang telah menjadikan Tanah Melayu ini sa-buah Kerajaan yang di-panggilkan Malayan Union, dan dengan jalan itu merupakan keadaan hendak merampas segala kuasa dan hak kedaulatan Raja²

Melayu, serta menukarkan taraf negeri ini daripada sa-buah negeri yang di-bawah naongan British itu kepada sa-buah negeri yang terjajah. Ketika itu-lah Dato' Onn telah bangkit sa-bagai sa-orang penganjor dan pahlawan yang gagah untok menyatu-padukan orang² Melayu kerana membangkang Malayan Union itu.

Ketika itu-lah juga telah timbul satu seruan perjuangan ia-itu *Hidup Melayu* yang dapat di-dengar diseluruh pelusok tanah ayer kita ini, dari utara ka-selatan dan dari timor ka-barat. Orang² Melayu tua dan muda, lelaki dan perempuan dan juga kanak², semua-nya telah melaungkan seruan *Hidup Melayu* ini dengan penoh semangat. *Hidup Melayu* pada waktu itu berma'ana satu seruan supaya orang² Melayu berjuang bersunggoh² untok menchari keselamatan dan kesempurnaan hidup di-dalam tanah ayer-nya sendiri, dan bukan-lah bertujuan hendak menghapuskan bangsa² lain dari Tanah Melayu. Dato' Onn juga telah mengubahkan peribahasa Melayu daripada "Biar mati anak, jangan mati adat" kepada "biar mati adat, jangan mati anak".

Dengan seruan ini-lah timbul-nya suatu pertubohan yang telah menyatu padukan orang² Melayu di-serata cheroke dan rantau. Pergerakan ini telah di-namakan Pertubohan Kebangsaan Melayu Bersatu atau terkenal sa-bagai UMNO. Dato' Onn telah dapat menarek sa-genap orang Melayu dalam negeri ini bersatu dalam Pertubohan yang chukup terator yang mempunyai perlembagaan yang kemas. Maka Pertubohan ini telah menjadi nyawa kepada bangsa Melayu, dan telah berjalan dengan chukup terator dan berdisiplin. Pertubohan ini-lah yang telah menyelamatkan orang² Melayu dan mengukuhkan perpaduan orang² Melayu untok berjuang menchari keselamatan dan kesempurnaan hidup bangsa Melayu di-tanah ayer-nya sendiri.

Di-mana² sahaja Allah Yarham itu pergi, maka beliau telah di-pandang sa-bagai satu²-nya penganjor yang besar, dan telah di-beri sambutan dan

penghormatan yang tidak ada tolok banding-nya. Sa-kira-nya di-Indonesia ada-nya Soekarno waktu itu, maka di-Tanah Melayu ini kita ada-nya Dato' Onn. Pandangan orang² Melayu kapada Dato' Onn tiada-lah kurang daripada pandangan orang² Indonesia kapada Soekarno.

Pertubohan UMNO yang telah berjalan dengan perlembagaan-nya yang terator dan tersusun rapi itu telah menarek perhatian bangsa² lain dalam negeri ini. Mereka telah di-beri peluang juga Dato' Allah Yarham itu menjadi ahli bersekutu dalam pertubohan itu.

Dengan pergerakan² yang di-anjorkan oleh Dato' Onn bin Ja'afar ini maka mula-lah orang² Melayu dan bangsa² lain yang ada di-negeri ini mempunyai kesadaran politik yang sehat bagi menebuskan hak-nya kedaulatan hak² bangsa dan negara-nya. Benih yang di-tanam oleh Allah Yarham itu telah menjadi bagitu subur dan kuat sa-hingga semangat perjuangan orang² negeri ini tidak dapat di-tahan² lagi.

Antara jasa² Allah Yarham itu yang telah di-laksanakan-nya dengan kebijaksanaan-nya ia-lah pada masa Jepun tewas dahulu telah berbangkit satu pergadohan yang dahshat antara orang² Melayu dengan China di-Batu Pahat. Beliau telah menggunakan jasa baik-nya untuk menyelesaikan pergadohan itu dan menyelamatkan nyawa orang² yang tidak berdosa. Yang kedua, dia-lah bagi pertama-nya menyatu padukan orang² Melayu sakalian dan mengangkat taraf hidup mereka serta memberi kesadaran bahawa bangsa² Melayu bukan-lah satu bangsa yang lemah. Yang ketiga, ia menyatu padukan orang² Melayu dengan bangsa² lain. Yang keempat dengan desakan-nya maka Kerajaan British telah tubuhkan pemerentahan chara Persekutuan (Federation). Yang kelima ia mengadakan chara pentadbiran "Member" atau "Kementerian" sa-bagai langkah permulaan orang² Tanah Melayu mengambil bahagian di-dalam pentadbiran hal-ahwal negeri-nya sendiri.

Allah Yarham itu kemudian-nya telah berchita² pula hendak menyatu padukan segala bangsa di-negeri ini dalam satu pertubohan dengan jalan hendak membukakan pertubohan itu kapada bangsa² lain juga. Apabila orang² Melayu tidak dapat menerima chadangan-nya itu dengan sa-penoh-nya Allah Yarham itu telah keluar langsung daripada UMNO sa-kali pun telah di-pujok rayu oleh ahli² UMNO dan ra'ayat jelata supaya beliau jangan meninggalkan Pertubohan yang beliau tubuhkan dengan rakan²-nya itu. Oleh kerana azam-nya yang kuat itu beliau tidak lagi dapat menerima segala pujok rayu ahli² UMNO itu dan telah menubuhkan sa-buah parti yang lain yang di-beri nama IMP yang tidak berchorak perkauman dan siapa² juga pun boleh masok menjadi ahli-nya, sama ada orang China, orang Melayu, orang India dan lain².

Beliau telah menunjukkan sikap yang tegas dalam perkara ini sa-kali pun saya perchaya beliau itu maseh lagi sayang kapada UMNO pada waktu itu. Tetapi oleh kerana berlainan pendapat maka bercherai-lah Allah Yarham itu daripada rakan²-nya yang telah bersama² berjuang dengan beliau dalam pertubohan ini. Bukan sa-takat itu sahaja, bahkan telah berbangkit pula pertelingkahan yang besar antara orang² Melayu di-dalam Tanah Melayu ini dengan orang² yang masok di-dalam IMP dan orang² Melayu yang tinggal lagi tegoh di-dalam UMNO itu. Maka masa itu-lah mula-nya munchol perpaduan UMNO/MCA/MIC dalam satu ikatan dan pertandingan yang mula² sa-kali dalam pilihan raya ia-lah dalam pilihan raya Municipality Kuala Lumpur, di-mana Perikatan telah mengalahkan IMP dengan terok-nya. Bagitu-lah juga pertandingan yang di-langsungkan di-dalam negeri Johore—bagi pertama kali-nya dalam Johore Bahru Dato' Onn telah mengharapkan mendapat sokongan orang² Melayu di-negeri-nya sendiri ia-itu di-Johore tetapi bagitu-lah nasib-nya apabila di-tinggalkan Pertubohan UMNO itu maka ia di-tinggalkan-lah oleh orang Melayu

sendiri. Sa-telah kekalahan² yang terok itu beliau telah menukarkan pula nama parti-nya kepada Parti Negara, dan banyak-lah orang² besar dan orang² yang kenamaan, Dato² dan sa-bagai-nya yang bersama² dengan Dato' Onn dalam Parti baharu-nya itu. Mereka telah mula mengadu kekuatan-nya dalam Pilihan Raya Federal yang pertama tetapi satu kerusi pun tidak dapat mereka perolehi.

Sungguh Allah Yarham itu mengalami kekalahan² yang terok tetapi beliau tetap terus berjuang dengan hati yang chekal dan berani. Kebanyakan orang yang menerima nasib kekalahan yang seperti ini tidak lagi sanggup berjuang, tetapi berlainan sa-kali dengan Allah Yarham itu, yang mempunyai hati yang kuat dan tabah. Beliau terus menerus berjuang berserah ka-sana ka-mari, siang dan malam, tidak kira hujan atau panas untuk mendapatkan kemenangan. Alang² orang yang berumur muda pun tidak dapat hendak buat seperti yang telah di-lakukan oleh Allah Yarham itu. Dia boleh bekerja berjam² pada tiap² hari dengan tidak tahu penat dan lelah. Ada masa-nya dia tidak makan dan minum langsung. Tetapi akhir-nya Tuhan telah menyampaikan juga chita²-nya itu dan dalam tahun 1959 beliau telah mendapat kemenangan dalam Pilihan Raya Federal dan telah masuk menjadi ahli Dewan ini sa-bagai hadiah-nya yang terakhir, yang dia telah bertanggung jawab menubuhkan-nya daripada awal sa-bagai Legislative Council.

Di-dalam Dewan ini sa-masa Legislative Council dahulu suara-nya telah lantang terdengar dengan nyaring-nya sama ada beliau berchakap dalam bahasa Inggeris atau pun bahasa Melayu. Sama ada tuan² bersetuju dengan kata²-nya atau pun tidak tetapi Ahli² Yang Berhormat boleh tertarek hati dengan gaya dan ucapan-nya itu.

Sa-masa dia memegang sa-bagai Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri banyak-lah usaha²-nya untuk menolong bukan sahaja orang² Melayu bahkan segala

warga negara Tanah Melayu. Salah satu yang di-buat oleh Dato' Onn itu ia-lah menubuhkan RIDA dan lain² lagi yang tidak dapat saya sebutkan di-sini, tetapi dapat kita sakalian rasa hasil-nya pada hari ini dengan sa-penoh-nya.

Sa-bagaimana yang telah saya katakan dahulu, sungguh pun dasar perjuangan-nya itu berlawanan dengan dasar parti saya tetapi kita sakalian merasa megah menentang sa-orang lawan yang kuat dan tegoh pendirian-nya—ada dengan sporting spirit. Apabila dia ada hendak kata apa² terhadap diri saya dia berani mengeluarkan perkataan² itu, dan berani pula dia datang di-hadapan penganjor² parti saya apakala kita membuat jawapan terhadap perkataan²-nya itu. Dia sa-orang yang pelek pembawaan-nya, dan sa-orang yang kita boleh merasa megah sa-bagai kawan dan juga sa-bagai lawan.

Bendera yang kita gunakan pada hari ini ia-lah bendera yang telah di-rekakan oleh-nya, dan sungguh pun bendera itu di-pakai dari semenjak belum merdeka dahulu tetapi kita masih gunakan dan menghormati bendera itu pada hari ini. Beliau-lah yang telah mengadakan chara pemerentahan yang berparlimen atau pun faham chara berparlimen.

Maka atas jasa Allah Yarham itu akan tetap di-ukir dengan tinta emas dalam sejarah Persekutuan Tanah Melayu. Beliau telah monchol dalam gelanggang politik dengan blare of fun fair ia-itu dengan meriah-nya dari segala pehak. Beliau telah di-kuborkan dengan penoh penghormatan negara yang biasa-nya di-berikan kepada ra'ayat-nya atau anak-nya yang terkenal dan mashor sahaja, dengan di-iringi oleh tentera² dan timbakan meriam 17 das dan di-iringi oleh beribu² orang yang datang dari jauh dan dekat daripada lawan dan kawan-nya.

Saya suka memberitahu Dewan ini ia-itu sa-bagai mengenangi jasa²-nya itu saya akan memberikan satu chara untuk mengenangkan nama-nya

ia-itu di-berikan nama jalan di-ibu kota ini.

Pada akhir-nya saya suka mengemukakan satu usul sa-bagaimana yang saya katakan itu dan saya berharap dapat-lah persetujuan dari tuan² sekalian.

Maka saya berdo'a muga² Tuhan chuchuri rahmat ka-atas roh-nya dan di-himpunkan dia dalam gulungan orang² yang saleh. (*Tepok*).

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut): Dato' Yang di-Pertua, saya dengan penoh sedeh dan dukachita menyokong satu usul yang telah dikemukakan oleh Perdana Menteri. Sedeh dan dukachita atas kembali-nya almarhum Dato' Onn penganjor Melayu yang terkenal. Saya sokong usul Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Tunku ini yang telah menerangkan kepada kita jasa-nya yang telah di-tinggalkan oleh almarhum itu pada bangsa dan tanah ayer kita. Bagaimana nyata dalam perjuangan Tanah Melayu ini memakai sayap kanan dan sayap kiri bagi membentuk bangsa dan negara kita. Apa yang telah di-terangkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku ada-lah kenyataan yang tegas dan jasa yang berkesan yang menjadikan sejarah yang kekal bagi bangsa kita dari pehak perjuangan kanan. Saya memberi pandangan daripada pehak perjuangan kiri daripada masa sa-belum perang dan dalam masa pendudukan Jepon dan dalam masa sa-sudah perang, pada mula-nya saya rasa ini-lah peluang yang baik saya menyebutkan jasa sa-orang penganjor Melayu di-rumah yang bertuah ini.

Pada masa saya mula sampai ka-Singapura Pejabat Lembaga tempat almarhum itu bekerja sa-bagai sa-orang pengarang surat khabar hanya jarak 2 pintu dengan rumah saya. Jadi pada masa itu banyak perhubungan saya dengan beliau dan sudah tentu-lah banyak perkara bangsa Melayu yang kita bahathkan di-situ itu. Beliau pada masa itu mempunyai fahaman yang degil dan keras terhadap beberapa perkara dalam hal negeri-nya sendiri. Saya juga sa-bagai sa-orang yang

berasa tidak mendapat tempat yang enak di-negeri saya sendiri, dan terpaksa-lah saya melarikan diri ka-Pulau Pinang dan akhir-nya ka-Singapura saya munchol lalu dalam persuratan. Saya mengeluarkan majalah Taman Bahagia dengan sebab karangan itu mengatakan Malaya akan menjadi Palastine yang kedua, maka saya pun di-tangkap. Mula daripada itu-lah saya mula masok ka-gelanggang politik sechara terang di-tanah ayer kita ini. Dan sa-bagai ringkas-nya berita saya dengan beliau, hubongan ada terus dengan saya dan saya dapat berhubung dengan penganjor² Melayu yang lain. Kemudian dalam pada masa Jepon hampir² menyerah, bangsa Melayu telah mengadakan Kongres di-Kuala Lumpur. Salah sa-orang daripada orang kuat-nya ia-lah beliau sendiri dan kami daripada angkatan muda siap sedia kerana saya telah nampak kekalahan Jepon sudah mesti dan kita mesti-lah menuntut kemerdekaan daripada penjajahan British kalau datang lagi.

Kita telah tahu bahawa Philippine telah mencapai kemerdekaan-nya, Indonesia telah mencapai kemerdekaan-nya, Malaya juga mesti mencapai kemerdekaan-nya. Tetapi oleh beberapa keadaan saya terpaksa bekerja pada masa itu (BMA) sa-bagai pegawai di-Perak Utara, dan beliau balek ka-Johor dengan pekerjaan-nya. Beliau bergerak di-sana dengan gerakan Kesatuan Melayu Semenanjung, dan saya juga bergerak dengan rakan² saya di-Ipoh, dan akhir-nya tertuboh satu Parti Kebangsaan Melayu. Dan dalam Kongres yang di-adakan di-Kuala Lumpur pada bulan December tahun 1945 yang di-hadiri oleh beberapa orang terkemuka, boleh-lah saya sebutkan nama-nya di-antara-nya Dato' Sardon bin Haji Jubir. Dan dalam Kongres itu sa-telah kami dapati bahawa Parti Kebangsaan Melayu Malaya tidak dapat menukar langkah dan sikap daripada langkah kiri, dan masa itu kita belum ada langkah kanan hendak bergerak sa-chara positive dan negative perjuangan kebangsaan negeri ini. Maka

di-antara beberapa penganjur² Melayu yang datang ka-Kongres itu (Partai Kebangsaan Melayu) sa-lain daripada Dato' Sardon ia-lah Tengku Mahmud Mahyudin dan Al-marhum Dato' Panglima Bukit Gantang. Sa-sudah kita binchangkan maka kita bersetuju supaya di-adakan satu pergerakan kanan yang gagah dalam chara memperjuangkan chita² kebangsaan negeri ini, dan Dato' Sardon-lah yang membawa keputusan kita supaya menubuhkan satu gerakan kanan yang kuat dan akan bekerjasama-lah kita.

Hal ini terbukti, Tuan Yang di-Pertua, manakala habis BMA saya tidak pun sempat menerima gaji, saya tinggalkan sahaja, terus mengadakan Kongress di-Kuala Lumpur ini, dan tertuboh-lah Pertubohan Kebangsaan Melayu bersatu. Dan saya dengan beliau terus bekerjasama dalam menegakkan chita² kebangsaan kita. Dan sa-sudah kita bekerjasama dalam menghadapi masalah² yang penting bagi chita² bangsa kita, akhir-nya manakala kita hendak menghanchor-kan Malayan Union supaya di-ganti dengan satu ganti yang tepat dalam erti chita² perjuangan kiri dan beliau dalam perjuangan kanan. Maka slogan atau chogan kata yang di-perjuangkan oleh beliau pada masa itu ia-lah "Hidup Melayu". Saya memperjuangkan merdeka. Maka di-sini mula-nya dalam beliau hendak mengisi "Hidup Melayu" itu tidak mahu kepada chita² merdeka yang penoh yang di-kehendaki oleh saya sendiri, timbul perbalahan yang sengit dalam Kongress di-Ipoh ia-itu perbalahan tentang bendera dan chogan kata yang mesti di-pakai oleh bangsa Melayu, dan dalam mengisi "Hidup Melayu" dengan isi merdeka dengan bekerajaan sendiri, maksud-nya Persekutuan Tanah Melayu yang pertama. Maka di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan beliau telah berbalah hebat dengan ada mempunyai tujuan untuk kebaikan bangsa dan tanah ayer kita. Dan saya rasa perlawanan saya dengan beliau itu sa-mata² berdasarkan atas perbezaan faham politik, tetapi ada-lah dalam

chara peri kemanusiaan, peri kebangsaan dan peri keislaman, saya ada-lah rapat dengan beliau. Dan berbeza benar-lah dalam perbalahan politik bagaimana yang sudah pun di-ketahui oleh seluruh ra'ayat negeri ini.

Dan saya tahu benar-lah beliau sa-orang, yang manakala sudah perchaya kepada satu keyakinan yang tegoh dengan sunggoh² berdegil dipegang-nya. Ia tidak mengira "consequence" apa juga yang akan berlaku sama ada merugikan dan mengechiwakan beliau namun chita²-nya itu-lah juga yang di-kemukakan-nya.

Tamat-lah riwayat penganjur kita yang patut kita rekodkan ketabahan dan kesungguhan-nya dalam menjalankan langkah² yang berlapis untuk perjuangan chita² kebangsaan kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengingatkan dalam lapangan journalist, mengingatkan dalam kapangan perjuangan, saya ada-lah dengan penoh dukachita melapadzkan ta'ziah kepada Datin Onn dan keluarga-nya, dan mendo'akan mudah²an Allah kembalikan beliau dengan Husnul Khatimah dan di-masokkan dalam gulungan Shuhada' dalam Shurga. Ini-lah sahaja sokongan saya.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr. Speaker, Sir, I rise to associate myself with the motion of condolence before this House.

I first met the late Dato' Onn bin Ja'afar in early 1948, just before the sitting of the first Federal Legislative Council of the Federation of Malaya. He was then Mentri Besar, Johore, and the President of the United Malays National Organisation, and even then he was a controversial figure. As a result, it is perhaps not so easy to speak of such a man, particularly as his lifework is comparatively fresh in the minds of his contemporaries, but I think it will be conceded on all sides that he can be regarded as the father of UMNO, which, in turn, was the forerunner of other political parties in Malaya. Previous to this, party politics

was virtually non-existent in this country. It can also be said, Sir, that he was perhaps the first man to believe that independence for Malaya could be achieved within a decade when he founded the Independence of Malaya Party. It was true that many people believed that independence even in a multi-racial society was something more than a possibility, but probably none apart from him believed that it could come and was indeed practicable so soon. Paradoxically enough, it was the failure of this ill-starred attempt to form a non-communal political party that led, as the Honourable the Prime Minister has said, to the birth of the Alliance, which has dominated Malayan politics for the last seven years, and which all of us on this side of the House hope, and indeed believe, will dominate the history of this country for a considerably longer period in the future.

Last, but by no means least, he was a great Parliamentarian, and in this respect, I can perhaps speak with better knowledge. When he was the Member for Home Affairs, he was still the stormy petrel of Malayan politics, and quite often we were on opposite sides, but it is to his eternal credit that he never allowed the rancour of political differences between us to intrude either upon his work as a Member of the Government or upon our personal relations. In debate he was a very fine speaker, though an opponent to be respected. He was never personal nor petty, and I think I can end on no better note than to say that the greatest tribute this House could pay him would be to try to emulate the high standards set by him. As I have said already, it would be difficult to assess impartially the life and work of a man who in his lifetime was so often the centre of some of the most bitter political controversies of his day, but I have little doubt that the verdict of history will be that he has left the imprint of his spectacular personality on the most memorable chapter of the story of our young and beloved country. (*Applause*).

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya atas nama Front Socialist Ra'ayat Malaya ada-lah menyokong penoh usul Yang Berhormat Perdana Menteri dan menyertai ucapan ta'ziah yang di-berikan oleh Perdana Menteri. Kawan dan lawan politik Dato' Onn mesti mengakui bahawa beliau adalah salah sa-orang putera Malaya yang terbesar. Tuan Yang di-Pertua, meski pun saya dengan Dato' Onn berbedza dalam chita² politik tetapi dalam satu hal saya hormati beliau sa-tinggi²-nya ia-itu dalam keyakinan dan penoh keperchayaan-nya kapada chita² yang di-perjuangkan-nya. Dalam keyakinan dan keperchayaan-nya kapada chita² politik yang di-perjuangkan-nya ini tidak-lah dapat dijual beli. Meski pun di-tawarkan dengan kekayaan yang besar untuk menukarkan chita²-nya itu, Dato' Onn akan menolak. Meski pun banyak kawan² yang meninggalkan-nya tetapi Dato' Onn tetap berdiri dalam chita² politik-nya sa-bagai batu Gibraltar.

Tuan Yang di-Pertua, saya kenal Dato' Onn dan menurut pandangan saya, politik kapada Dato' Onn sudah menjadi darah daging. Saya pernah mendengar orang menchachi, memaki peribadi-nya, chachian ini walau pun kita hadapkan kapada-nya sudah tentu dia akan menerima dengan senyuman. Tetapi pehak kawan atau pun lawan kalau menyuroh Dato' Onn bersara dari politik sekejab sahaja, Tuan Yang di-Pertua, muka-nya merah dan marah. Ini, Tuan Yang di-Pertua, satu bukti-nya politik sudah menjadi darah daging kapada Dato' Onn. Sampai ka-akhir hayat-nya politik maseh tetap menjadi darah daging Dato' Onn. Beliau tidak mahu bersara dalam politik meski pun umur-nya sudah tua tetapi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, dengan kehendak Tohan yang ta' dapat di-elakkan dan tidak dapat di-tahan maka bersara-lah dia dari politik untuk selama²-nya. Jasa-nya sa-bagai pemimpin yang duduk pada tempat-nya yang tersendiri kita hormati dan kita akui. Kapada keluarga-nya saya menyampaikan ucapan ta'ziah yang sa-tinggi²-nya.

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr. Speaker, Sir, I rise on behalf of my Party to associate ourselves fully with all the sentiments expressed by the Honourable Prime Minister and all the well-deserved and well-earned observations made on the late Dato' Onn bin Ja'afar.

Mr. Speaker, Sir, in the life of the late Dato' Onn bin Ja'afar, outstanding in his political achievements, political wishes, there would appear to be one thing standing above everything else, and that was the stand he took when the parting of ways came as between himself and the UMNO. It was on a matter of very high principle of non-communal politics in this country that Dato' Onn bin Ja'afar had to part from UMNO. We, in this country, will remember that Dato' Onn bin Ja'afar thought it desirable in those early days that the doors of UMNO should be open to all races in this country appreciating, as he did, that Malayan politics must be non-communal. And I think that the greatest tribute that this House can pay to him would be—it will be from the Opposition's view—that within the coming years if a non-communal organisation can take over the reins of Government in this country, that would be the greatest tribute we can pay to Dato' Onn bin Ja'afar.

Mr. Speaker, Sir, I have had the pleasure of meeting Dato' Onn bin Ja'afar both in this House and outside this House. Though our political views differed most violently in some respects, there was one thing that was outstanding in him, and that was this: he was a gentleman of very high intellect, of very great understanding, and that contributed to the outstanding feature in him. He was always prepared to consider the views expressed by other people; he was always prepared to listen; he was never in a hurry; and he was always prepared to argue, to try and convince or be convinced by the other side on anything. And I say we can pay him indeed the highest tribute if we emulate that very high and very

necessary element of politicians in this country.

Mr. Speaker, Sir, I associate myself wholeheartedly with everything that has been said by the Honourable Prime Minister.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, benarkan-lah saya berchakap dua tiga patah dalam Majlis ini kerana memberi ucapan ta'ziah yang satinggi²-nya kepada ahli warith Dato' Onn bin Ja'afar. Tuan Yang di-Pertua, Dato' Onn bin Ja'afar ada-lah sa-orang orang besar dan sa-orang ahli perjuangan yang mula² sedar memberi peluang berpolitik kepada kaum ibu di-Semenanjung Tanah Melayu ini. Kesedaran Dato' Onn itu menjadikan perjuangan-nya bertambah² kuat kerana dia sadar, politik dengan tidak ada kaum ibu bersama, perjuangan itu tidak akan maju dengan sempurnanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat²-lah berasa sedih kerana kehilangan sa-orang bapa perjuangan yang mengulangi sejarah yang besar dalam Semenanjung Tanah Melayu ini. Sebagai kesedaran sa-orang pahlawan tanah ayer yang ulong² kali dan saya pula telah bersama bergerak dari mulanya hingga ka-akhir-nya, bersama² pula dengan beliau di-dalam Parlimen ini. Saya sangat²-lah terhutang budi, terhutang pimpinan, terhutang panduan kepada Almarhum Yang Berhormat itu. Dia-lah juga yang telah memberi peluang kepada kaum ibu duduk dalam Majlis² Undangan Negeri² dan juga di-Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, kaum ibu seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini tidak akan melupakan jasa² Almarhum Dato' Onn bin Ja'afar yang besar itu. Tuan Yang di-Pertua, satu daripada kelaki²an sejati beliau yang saya telah chamkan bahawa beliau dengan segera akan tundok mengaku salah, kira-nya di-tunjokkan kesalahannya dengan chara jujur. Satu chontoh-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang akan di-tuliskan dalam sejarah hidup-nya ia-itu pada masa saya di-

undang ka-India dalam tahun 1947 apabila saya mema'alumkan kapadanya perkara undangan itu maka keluar-lah beberapa perkataannya yang sangat menyentoh jiwa dan hati suchi saya lalu dengan serta-merta saya buka lenchana Pergerakan Melayu Semenanjung yang sentiasa tersemat di-dada saya (sa-belum UMNO ditubuhkan) di-pulangkan balek kapadanya, dan saya tuntutan beliau menarek balek kata²-nya.

Dia tundok tafakkur memikirkan apa yang saya chakap itu. Sejurus kata-nya "jemput pakai balek badge itu" dan beliau menarek balek kata²-nya tadi. Sifat kelaki²-annya yang tulin itu-lah yang sangat saya ingati. Sa-kali lagi, Tuan Yang di-Pertua, pada masa beliau merajok dalam tahun 1950 tidak mahu lagi jadi Yang di-Pertua UMNO Malaya sa-bagaimana yang telah di-cheritakan oleh Yang Amat Mulia Tengku Perdana Menteri tadi, pada masa itu kaum ibu UMNO Negeri Johor meminta saya berchakap di-dalam perhimpunan ramai di-lapangan kawasan Pejabat Kerajaan Johor Bahru supaya memujok Dato' Onn itu jangan berhenti, tetapi kerana saya hendak menduga lagi bagaimana keberanian dan gentleman Dato' Onn, saya beri penerangan kepada orang ramai bagaimana perjuangan di-zaman Rasulullah dahulu, pejuang² di-zaman itu berjuang dengan susah payah menempoh beberapa dugaan. Pahlawan² Muslimin mula hendak lari tetapi kaum ibu Muslimat yang sama berjuang di-dalam khemah² telah menchabut tiang² besi khemah itu menghambat Pahlawan² Muslimin kira-nya mereka terus lari dari medan dengan tepok sorak mengatakan—kamu bachol meninggalkan anak bini di-tawan musuh. Dengan keberanian kaum ibu itu baharu-lah pahlawan Muslimin sedar dan balek berjuang hingga menang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan saya yang bagitu tajam yang saya sangka tentu-lah saya di-pechat dari parti tetapi sa-balek-nya kata² itu menyebabkan beliau tidak jadi

berhenti dan menerima jadi chalun Ketua Agong tahun 1950 dan dengan kuat permintaan dan harapannya supaya saya juga menerima jadi chalun Ketua Kaum Ibu UMNO Malaya.

Ahkir-nya Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penoh dukachita meng-ucapkan ta'ziah yang tulus ikhlas kapada Datin Onn, pejuang wanita yang sabar dan mulia hati—mudah²-an Tuhan peliharakan keluarga beliau yang tinggal.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan):

Mr. Speaker, Sir, I was one of those who read with a measure of satisfaction that Dato' Onn bin Ja'afar had been returned to the Dewan Ra'ayat during the last elections. I was satisfied, because I felt that it would be a good thing if a statesman of his calibre could come to this House; and so it was that a kindly Fate took him from Johore to Kuala Trengganu Selatan and sent him to us to give up of his wisdom, his guidance and his experience as a skilled parliamentarian. There were occasions when many of us used to watch him with admiration, and respect, that he should be able to parry and thrust in a manner that he was a master at, and the almost complete absence of pettiness or small-mindedness in whatever he did. His skill at debate we all know.

This impatient soul for more than 40 years, 50 years in fact, had always thought and dreamt of freeing this country from foreign control. During pre-war days when this country was a political backwater, there was this man whose sole thought was freedom for Malaya. Dato' Onn has had his passage in history, and we know what history will write about him; it cannot forget a man of his stature.

We will always remember his voice; we will always remember his mannerisms, his ability, his skill. There are some in this House, Mr. Speaker, Sir, like yourself, who are not only friends but are also relatives, and

your tear-dimmed eyes surely epitomize the attitude of the whole House towards his parting. It was in fact two thousand years ago that a Greek poet said for all time, the mind of men at such partings. He said—

“They brought me bitter news to hear,
And bitter tears to shed.
I wept as I remembered how often
you and I,
Had tired the sun with our talking
And sent him down the sky.
Still are thy voices,
Thy nightingales, awake;
For Death, he taketh all away,
But them he cannot take.”

In life, Mr. Speaker, Sir, death is the surest thing. When the Caller calls everyone has to go. But what matters is what one leaves behind. Dato' Onn bin Ja'afar surely has left behind him his footprints firm on the soil of Malaya and those footprints are such that no one need be ashamed of them. (*Applause*).

Enche' Chin See Yin (Seremban Timor): Mr. Speaker, Sir, I rise to speak on behalf of the independent Members and myself and we associate ourselves with all the sentiments expressed in this House. Most of us have known the late Honourable Member for a very long time. He was a very good man and he was always ready to give assistance and advice. As a politician we have known him as a very great man and he always stood by his own convictions. He had rendered much and given his services to this country and we all hope that he will have a very peaceful rest and may God bless his soul.

Question put, and agreed to.

Resolved,

“Bahawa Dewan ini suka menchatitkan rasa kehilangan dan dukachita-nya yang amat sangat atas kematian Dato' Onn bin Ja'afar, D.K., D.P.M.J., dan mengucapkan ta'aziah kepada Datin Onn dan sakalian keluarga-nya.”

Mr. Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya minta-lah bersama² bangun dengan saya bertafakkur sa-lama dua minit, kapada orang² Islam saya minta membachakan Al-fatehah dengan sa-berapa pelahan, mudah²-an Tuhan chuchuri rahmat ka-atas roh-nya.

The House stood in silent tribute for two minutes.

Sitting suspended at 11.15 a.m.

Sitting resumed at 11.30 a.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1962

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Tenth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads 24 and 25—

Debate resumed on Question:

That the sum of \$97,705,850 for Heads 24 and 25 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormat-nya menyambong ucapan yang telah saya buat minggu yang lepas berkenaan dengan satu usul yang telah di-majukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua tidak hadir pada masa saya berchakap minggu yang lepas, maka saya sukah-lah menggambarkan dengan ringkas apa yang telah saya chakapkan dalam Dewan ini pada waktu itu. Saya telah menentang dengan sa-keras²-nya usul yang telah di-majukan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan men-datangkan beberapa keterangan. Saya akan memberi beberapa keterangan

lagi supaya bukan sahaja daripada pehak Kerajaan bahkan saya pohonkan-lah daripada pehak pembangkang sa-kali menolak usul-nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat memang tahu usaha dan tenaga yang telah di-jalankan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat. Saya ada mempunyai bukti-nya ada-lah usaha-nya itu di-junjung tinggi oleh ra'ayat sa-bahagian besar-nya kechuali orang² yang seperti Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan juga abang-nya dari Menglembu. Saya boleh terangkan di-sini usaha dan tenaga Menteri Kesihatan berkenaan dengan kesihatan ada-lah sangat memuaskan hati bukan sahaja dalam negeri ini bahkan juga di-luar negeri di-sanjong tinggi oleh Persekutuan Kesihatan Dunia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu ada-lah orang yang terpelajar tetapi kerap kali dia dalam rumah ini; saya sangat-lah bersetuju apa yang telah di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan usul dan perchakapan² di-luar dan di-dalam rumah ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu sangat-lah di-kesalkan kerana di-putar belitkan untuk faedah parti-nya sendiri. (*Tepok*). Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat jelata di-luar rumah ini bertanya² apa-kah perkara yang selalu di-putar belitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu. Kita maseh ingat soalan² yang selalu-nya di-heboh²kan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah berkenaan dengan soal pelajaran. Tetapi soal putar belit itu sudah-lah reda sadikit. Dan baharu² ini ia-itu minggu yang lepas apabila kita bahathkan berkenaan dengan perbekalan wang bagi Menteri Pelajaran, orang luar bertanya²—pengundi² di-*Ipoh* bertanya ada-kah Ahli Yang Berhormat berchakap dalam soal ini bahkan sa-patah pun ta' ada. Jadi, di-sini saya dapati Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu kerap kali dalam perchakapan-nya, dalam kerja-nya selalu-nya terburu² sahaja. Tuan Yang di-Pertua, usul yang di-kemukakan oleh-nya itu saya amat-lah kesalkan kerana saya fikir perkara itu ada-lah perkara yang kechil kalau sakira-nya

Ahli Yang Berhormat itu sa-orang yang di-katakan bertanggung jawab mahu pun terhadap ra'ayat atau pun Kerajaan bukan-lah sakali elok kalau sakira-nya perkara yang tidak puas hati itu umpama Dr. Underwood dia terus berjumpa dengan Yang Berhormat Perdana Menteri supaya perkara ini tidak timbul sa-macham ini. Atau dia boleh berjumpa dengan Menteri yang berkenaan dan saya sedia pergi bersama meneman-nya dan berunding di-atas perkara yang kechil ini mungkin dapat kita selesaikan. Tetapi apa yang kita dapat dalam rumah ini Ahli Yang Berhormat itu suka menghasut di-sana dan hasut di-sini untuk propaganda parti-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pemerentahan Kerajaan Perikatan, kita ta' suka parti itu membuat semua kerja², kita tidak pernah membelakangkan ra'ayat. Saya suka membawa satu chontoh hal-ehwal Jawatan-Kuasa 'Am berkenaan dengan tidak puas hati di-mana² kalangan orang² kaki tangan ada-lah baik-nya orang itu berutus terus kapada Jawatan-Kuasa 'Am dan di-sana Jawatan-Kuasa 'Am ini berdasarkan tidak menyebelah kapada sa-siapa pun dapat menyelesaikan perkara ini. Tidak payah-lah Ahli Yang Berhormat itu memajukan usul saperti ini kerana saya fikir chuma membuang masa sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya kerap kali di-*Ipoh* sana dapati chara², kerja² apa yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

Saya telah nyatakan kalau sa-kira-nya ada pehak polis menahan gangster dan.....

Mr. Chairman: Itu tidak ada kenamengena dengan ini.

Enche' Tajuddin bin Ali: Dato' Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan saya dan suka-lah saya berchakap fasal berkenaan dengan Dr. Underwood itu. Sa-sunggoh-nya timbul fasal Dr. Underwood ini sudah menjadikan perkara ini besar sangat dan kita tahu bahawa Dr. Underwood ada-lah sa-orang yang di-Peranakkan di-Persekutuan Tanah Melayu yang telah pun

mengambil kera'ayatan di-sini. Dia telah mengaku ta'at setia kepada negeri ini. Di-atas usaha dan tenaganya Kerajaan menjunjung tinggi yang telah memilih dia pergi ka-negeri Jepun. Saya rasa tentu-lah Dr. Underwood ini kalau sa-orang yang bertanggung-jawab terhutang budi kerana pilihan dan kehormatan yang di-beri oleh Kerajaan terhadap-nya dan apa-kah dia buat sa-lepas tamat pengajian-nya balek ka-Persekutuan Tanah Melayu ini. Ada-kah ia junjong tinggi pesanan² daripada University-nya berkenaan dengan kerja-nya ia-itu ia mesti-lah berkhidmat dengan manusia. Di-atas satu perkara yang kecil di-besar²kan, umpama-nya kita telah dapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri apabila hendak mengadakan pembelahan dia tidak beri rakan²-nya melihat-nya. Ini satu orang yang tidak ada pendirian lansong dan saya anggap kalau-lah begitu maka saya mengatakan ia ini sa-orang yang opportunist dan betul sangat-lah apabila Yang Berhormat Menteri itu menjalankan siasatan dengan tidak puas hati bertanya atau tidak tanya kepada Dr. Underwood.

Rumah ini telah lebeh dahulu diberitahu bahawa ia ini bekerja di-Perak dan telah mendapat satu bintang PJK. Bintang PJK ia-lah jasa atau Bintang Pingat Jasa, jadi, apa jasanya Dr. Underwood ini terhadap Kerajaan dan terhadap orang ramai, oleh sebab sedikit fasal hendak tinggalkan pekerjaan-nya, itu jasa apa. Masa di-Perak juga kita telah mendengar dan ada bukti-nya Dr. Underwood itu membuat kerja luar private practice dan biasa mengambil duit luar lepas kerja-nya. Jadi kita tidak terkejut.....

Mr. Chairman: Ini tuduhan berat yang telah awak sebutkan dalam Majlis ini. Biasa-nya kalau sa-saorang membuatkan sa-suatu tuduhan yang berat hendak-lah bersedia untuk memberi segala bukti² to substantiate. Saya chuma hendak mengingatkan sahaja, di-sini memang Ahli² Yang Berhormat itu ada privilege untuk berchakap. Tetap privilege itu ada

di-had²kan. Bukan privilege tidak di-hadkan lansong.

Enche' Tajuddin bin Ali: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Jadi, saya telah menyatakan tadi bahawa ia telah biasa juga kerja keluar daripada kerja-nya di-hospital menerima wang dan apabila ia mendapat kelulusan yang tinggi daripada negeri Jepun, jadi hidong-nya sudah tinggi. Jadi kalau satu orang sudah hidong tinggi sa-bagaimana kata perpatih Melayu: "Kalau sa-kira-nya anjing biasa membahu tahi tentu-lah dia hendak juga....."

Mr. Chairman: Lagi sa-kali saya ingatkan. Ada kalimah² hendak-lah di-jaga sedikit. Jangan melampau² sangat, kalau awak buat lagi saya akan tahan awak daripada berchakap.

Enche' Tajuddin bin Ali: Dato' Yang di-Pertua, saya membuat tuduhan itu ada bukti-nya pada saya dan jagoh Dr. Underwood ini ada di-sini dan dia boleh menentang tuduhan² saya ini kelak.

Mr. Chairman: Kalimah² yang dikeluarkan itu hendak-lah di-jaga sedikit. Ini untuk menjaga kehormatan Majlis ini.

Enche' Tajuddin bin Ali: Baik-lah, Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar dan Ipoh pada tempoh hari berpakat menyatakan doctor² telah pun meninggalkan jawatan beramai² pada tahun yang sudah sa-banyak 61 orang. Dato' Yang di-Pertua, dalam ucapan-nya Menteri Yang Berhormat itu terus-menerus menyatakan dalam register 1959 ada sa-banyak 1,009 orang private doctor dan pada 1960 telah bertambah lagi ia-itu 1,082 orang. Dalam perkhidmatan Kerajaan tahun 1960 457 orang dan tahun 1961 515 orang. Dato' Yang di-Pertua, negeri kita ini ada-lah satu negeri yang baharu sahaja menchapai kemerdekaan, jadi macham² masalah tentu timbul. Saya sendiri, rasa malu, Dato' Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya Menteri itu membuat satu kenyataan rasmi mengatakan ada-lah Persekutuan Tanah Melayu ini

kekurangan doctor, tetapi kita dapati banyak doctor² Malayan yang berhenti. Kenapa-kah mereka itu berhenti dan Kerajaan Perikatan tidak pun melarang mereka itu berhenti kerana Kerajaan bersedia memberi peluang dan kesenangan yang luas sama ada yang professional atau pun yang baharu lulus dan kita tahu kalau bekerja tentu-lah mendapat kira² \$500 sa-bulan. Inilah sebab-nya banyak doctor² itu berhenti.

Saya suka juga menarek perhatian tuan² kalau-lah pendapat² doctor itu bagini suka meninggalkan kewajipan masing² kerana menchari peluang untok mereka itu maka telah keluar-lah tanggong-jawab mereka itu sa-bagai ra'ayat jelata yang bertanggung-jawab. Dato' Yang di-Pertua, saya menarek perhatian satu chontoh yang amat baik apa yang telah terjadi satu orang doctor bangsa asing datang ka-Persekutuan Tanah Melayu ini ia-itu mendiang Dr. Tom Dooley tidak ada mendapat upah satu sen pun daripada Kerajaan. Tetapi azam dan pesanan daripada University dia untok menjalankan kewajipan-nya untok manusia terlebih penting daripada diri-nya sendiri. Kalau-lah untok kita di-sini lebeh² lagi Dr. Underwood ini kalau mengikut jejak langkah sa-macam ini tentu-lah perkara yang demikian ini tidak akan timbul.

Dato' Pengerusi, saya telah menyatakan terlebih dahulu betapa pandai-nya Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu memutar belitkan chakap-nya. Satu daripada perkara yang di-bangkitkan dalam usul itu ia-lah Koko Mess. Apa dia kata berkenaan dengan Koko Mess. Ini chakap dia sendiri. Saya minta kebenaran, Dato' Pengerusi, membachakan sadikit:

The Member from Bungsar has said that the contractors make the most profits or benefits from the various contracts in the Medical Department. I have reason to substantiate that statement. I have reason to say that this Government and now to this House and to the Minister of Health, have you ever heard of the name of the club or mess known as "Koko's Club" or "Koko's Mess?"

Jadi, Dato' Pengerusi, kalau sa-kiranya Ahli Yang Berhormat itu bertanggung jawab sampai Koko's Mess full stop. Ta' ada jadi apa² perbalahan. Ta' ada jadi sangkaan terutama sa-kali pada ra'ayat jelata. Ini di-kaitkan pula. Jadi dia kata: Who is Koko? Koko is a nickname of Dr. Majid. Bila di-kaitkan dengan itu fikiran ra'ayat jelata sudah mengatakan yang Dr. Majid Ismail ini ada-lah berchampor gaul dan bila ada kontrakter² dalam mess itu, barangkali perkara yang ta' di-ingini boleh timbul. Ini sebab saya katakan dahulu yang Ahli Yang Berhormat itu memutar belitkan chakapan-nya, dan kalau Ahli Yang Berhormat itu bertanggung jawab ta' patut sa-kali di-keluarkan perchakapan-nya itu.

Kita semua tahu dan faham ia-itu doctor dan specialist ia-lah orang yang professional, orang yang bertanggung jawab dan pekerjaan-nya chukop susah—nyawa orang² sakit ada-lah diatas genggamannya. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sa-bagai sa-orang lawyer tanggong jawab-nya lain pula. Umpama-nya satu case saya ambil saya bayar pada dia. Case saya ini sama ada menang atau kalah ia dapat duit juga, tetapi doctor lain pula. Ia di-situ upahan-nya ta' ada. Kerja-nya menjaga keselamatan dan nyawa ra'ayat jelata—itu beza-nya. Bagi Ahli itu membuat tuduhan saperti itu saya rasa sangat² di-kesalkan. Saya simpulkan chakapan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu sa-bagai tiga liang tikaman yang telah di-buat-nya di-belakang Dr. Majid Ismail. Satu lubang-nya ia-lah berkenaan dengan nama Koko. Kemudian ia katakan Senior Doctors of the Selangor Medical Services. Satu lagi Why? You may say what harm when you go there. Jadi di-buat-nya perasaan kita kelamkabut. Sudah-lah di-tikam-nya kemudian di-buat statement pula. "..... reference to "Koko's Mess" did he say that Dr. Majid Ismail was corrupt." Dia ta' ada kata tetapi dia kaitkan doctor kanan berchampor gaul dengan contractor, kemudian ia sebutkan di-mana dapat nama koko itu. Ini semua mengelirukan ra'ayat di-luar

Rumah ini untuk faedah-nya sendiri, tetapi kalau sampai Koko's Mess itu full stop, apa² pun ta' ada gadoh.

Mr. Chairman: Banyak sangat di-ulang².

Enche' Tajudin bin Ali: Ta' ada, dah hendak habis (*Ketawa*). Tudohan yang telah saya nyatakan tadi sangatlah di-kesalkan dan ia telah pun menerima challenge yang telah di-buat oleh Menteri Yang Berhormat. Challenge itu memang baik, tetapi saya hendak nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu kalau sa-kira-nya ia gentleman jangan chakap di-sana tetapi chakap di-sini, buat tape recording sini apa yang dia chakap segala huruf² itu. Saya ada tape recording dalam motor-car saya sana, kalau ia mahu, kemudian confirm. Saya rasa kalau ia berani mengatakan di-sini, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu ia mesti tengok ka-atas dahulu, ada-kah langit itu tinggi atau rendah.

Saya tidak-lah ingin, sa-rupa juga dengan Ahli Seberang Selatan mengatakan ta' suka challenge sana sini macham budak² kechil, tetapi ia menyebutkan huruf challenge daripada mulut Ahli dari Ipoh. Sa-perkara lagi yang saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu tentang kepitahan-nya ia berchakap boleh di-junjong tinggi tetapi dalam mengeluarkan chakapan-nya itu terutama kepada negara kita yang baharu ini mesti-lah berhati². Kalau betul² ia sa-orang yang ta'at setia, satu hati yang jujur maka mestilah ia membuat tegoran dan chakapan yang bertanggung-jawab untuk faedah negara, kalau tidak, saya berpendapat Ahli Yang Berhormat itu chuma hendak membawa fikiran ra'ayat kepada satu fikiran yang sempit.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Pengerusi, saya bangun.....

Mr. Chairman: Dudok dahulu! Saya merayu-lah kepada Ahli Yang Berhormat supaya berchakap sa-berapa pendek, kerana kita banyak lagi perkara² yang hendak di-bahathkan

dalam tempoh yang tertentu ia-itu hanya-lah dua minggu, dan kita sudah bersidang lebeh kurang 10 hari. Di-sini banyak lagi Schedule yang belum di-habiskan. Sa-kira-nya berpanjangan sa-saorang berchakap, saya terpaksa-lah mengadakan persidangan sa-belah malam dan harus sa-malam² hari sampai habis. Jadi saya merayu-lah kepada Ahli Yang Berhormat supaya berchakap sa-berapa pendek dan banyak lagi perkara yang sangat mustahak hendak di-bahathkan dalam Majlis ini.

Tuan Syed Ja'afar: Tuan Pengerusi, saya bangun hendak mengutok chadangan pindaan yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Saya hendak mengutok chadangan pindaan ini atau hendak kondemkan chadangan-nya itu kerana beberapa sebab, tetapi sa-belum saya menjalar pergi mengutok chadangan dia ini.

Saya ingin hendak menyebutkan lebeh dahulu beberapa perkara, Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ini sudah menjadi kelaziman dan kebiasaan-nya apakala berchakap dalam Dewan ini kerap-lah dia hanya menghinggap atau menempoh perkara² burok dan hodoh yang tidak ada kena-mengena dengan national interest atau kepentingan kebangsaan. Jadi tidak salah kelakuan orang yang menchari benda burok itu, saya mithalkan dengan kelakuan dan perangai burung Gagak Hitam yang hanya menchari makanan-nya daripada longgokan bangkai dan sampah. Ini sa-perkara yang sangat di-kesalkan kerana datang dan terbit-nya daripada sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang menggunakan kemahiran undang²-nya bukan untuk kepentingan negara, tetapi untuk kepentingan satu orang atau diri-nya sendiri.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Chairman, Sir, on a point of order—S.O. 36 (6) which says that no Member shall impute improper motives to any other Member and S.O. 36 (4) which says that it shall be out of order to use offensive and insulting language against other Members of this House.

I infer that a suggestion that I have brought up this motion in my personal interest is an improper motive, and I ask the Chair to rule that he withdraw his remark.

Mr. Chairman: Saya bachakan Standing Order 36 (6) yang berbunyi: "Sa-saorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ka-atas siapa² ahli lain." Saya chuma hendak mengingatkan kepada ahli yang berchakap supaya jangan mengeluarkan sangkaan jahat kepada ahli itu terus sendiri. Jika berchakap kepada parti atau kepada lain², itu saya benarkan, tetapi terus kepada diri ahli itu sendiri sa-siapa juga dalam Majlis ini tidak boleh di-keluarkan di-sini. Saya tidak minta tarek balek tetapi saya ingatkan. Yang kedua saya hendak ingatkan kepada ahli yang berchakap itu kepada pechahan (4) yang berbunyi: "Adalah salah pada peratoran meshuarat bagi sa-saorang ahli menggunakan bahasa biadab." Saya mengingatkan kalau mendatangkan mithalan saya tidak boleh tahan. Jika bahasa itu biadab saya ruling itu salah. Please proceed!

Tuan Syed Ja'afar: Tuan Pengerusi, apa yang saya kata hanya-lah fikiran dan pandangan saya terhadap kepada sa-orang ahli dalam Dewan ini, dan saya fikir "saya entitle to express my opinion". Saya, Tuan Pengerusi, mengutok chadangan ini, kerana pertama-nya chadangan ini sudah keterlaluhan dan sudah pergi terlampau jauh sangat: Chadangan ini pada pandangan dan fikiran saya terbit-nya daripada nafsu dan sifat dendam Ahli Yang Berhormat itu. Yang kedua-nya saya mengutok chadangan ini ia-lah kerana dengan datang-nya chadangan sa-umpamaini dan sebab²-nya maka Ahli Yang Berhormat itu membawa dan mengemukakan-nya, ada-lah pada pandangan saya yang chadangan ini telah mengotor dan menchemarkan kebersehan dan kehormatan Dewan ini. Dewan ini, Tuan Pengerusi, hanya-lah patut di-bawa ka-dalam-nya perkara² yang mengenai kepentingan kebangsaan, bukan perkara "personal" atau pun perkara

persaorang saperti perkara Dr. Underwood atau Under apa—Underwood. Membawa perkara Dr. Underwood ka-dalam Dewan ini, dan dengan membawa perkara-nya itu terpaksa menyentoh kedudukan lain² doktor dalam negeri ini yang dalam jawatan Kerajaan ada-lah satu perkara yang sangat² melampau dan melebehi batas, kerana Dr. Underwood sa-orang doktor yang tidak bertanggung jawab mengikut kenyataan yang telah di-berikan oleh Menteri Yang Berhormat itu. Nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu hendak menchederakan dan menchatkan nama baik doktor² yang lain dan specialist yang lain yang ada dalam negeri ini.

Kalau benar² Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu ada menaroh belas kasehan, dan berpendapat bahawa Dr. Underwood itu teraniaya, dan dengan sebab penganiayaan itu dia terpaksa berhenti daripada jawatan-nya, maka mengapa perkara-nya itu tidak dibawa kemuka pengadilan negeri ini? Dalam negeri ini ke'adilan chukup terkawal dan di-jaga. Dan Yang Berhormat itu dan abang-nya dari Menglembu kedua²-nya peguam, yang boleh jadi dapat untong daripada mengambil perkara Dr. Underwood ini dan membawa-nya ka-Mahkamah untuk menda'awa Kerajaan atas kezaliman yang di-timpakan-nya ka-atas doktor saperti Dr. Underwood ini.

Yang sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, dengan membawa perkara Dr. Underwood ka-dalam Dewan ini tidak ada lain tujuan-nya, melainkan hendak melepaskan dendam Dr. Underwood dalam Dewan yang telah memberi "privilege" dan yang telah memberi kawalan di-atas apa juga perkara yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mr. Chairman: Jaga! Itu sudah dekat dengan sangkaan jahat, kalau terlepas sadikit lagi. Saya akan rule out of order. Proceed.

Tuan Syed Ja'afar: Jadi, Tuan Pengerusi, saya nampak dengan chara dan telatah dua Ahli Yang Berhormat adek beradek dari Ipoh dan Meng-

lembu itu membawa perkara² dalam Dewan ini, saya kata kedua²-nya hendak menchemar dan mengotorkan Dewan ini, dan hendak menjadikan Dewan ini tempat menchuchi kain kotor.

Sa-perkara lagi yang saya mengutok chadangan ini, Tuan Pengerusi, ia-lah kerana apa dosa-nya Menteri Kesihatan itu? Yang dalam ucapan-nya mengemukakan Budget sa-lama lebeh kurang satu jam. Menteri yang berkenaan telah membentangkan ka-dalam Dewan ini segala jasa, segala perkhidmatan yang di-jalankan oleh Kementerian itu dan pegawai² dalam Kementerian-nya, bukan sahaja di-Kuala Lumpur tetapi di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu—sa-jam lebeh membentangkan jasa² dan perkhidmatan Kementerian Kesihatan itu. Ada-kah kerana Dr. Underwood sa-orang, maka Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu hendak membinasakan semua jasa dan perkhidmatan yang di-bentangkan dalam Dewan ini?

Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya menyatakan bahawa chadangan ini telah melampau batasan dan keterlaluan. Sa-perkara yang saya sangat² kesalkan lagi dalam soal ini ia-itu Dr. Underwood sa-orang yang tidak bertanggung jawab dan saya fikir dia sudah terlanjur daripada sipat berperikemanusiaan. Kerana sa-patut-nya kalau Dr. Underwood berasa teraniaya dia tidak patut menyuarakan melalui Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu sa-bagai Member of Parliament tetapi patut dia pergi berjumpa dengan dua orang adek beradek ini sa-bagai Lawyer atau Peguam yang boleh mempertahankan dan membela-nya daripada sa-barang keaniayaan jika ada di-kenakan ka-atas diri-nya dalam masa dia memegang jawatan.

Mr. Chairman: Kalimah adek beradek itu jangan-lah di-gunakan. Ada-lah kalimah itu boleh di-gantikan pada sa-sa-orang itu dengan menyebut-kan kawasan yang di-wakili-nya. Jadi lain kali jangan-lah di-ulangkan kalimah adek beradek ini. Katakan wakil dari Ipoh dan wakil dari Menglembu.

Tuan Syed Ja'afar: Dua kawasan itu berdekatan dan kebetulan-nya mereka itu adek beradek.

Mr. Speaker: Tidak boleh di-sebutkan kalimah itu.

Tuan Syed Ja'afar: Tuan yang di-Pertua, sambil saya mengutok perbuatan Dr. Underwood kerana pergi menemui Ahli² Yang Berhormat dari Ipoh dan Menglembu untuk membelanya dalam Dewan ini bukan dalam Mahkamah, saya terpaksa memuji kepintaran Dr. Underwood yang telah begitu pandai mendapatkan perkhidmatan dan pembelaan perchuma dari dua orang peguam ini, bahkan saya puji Dr. itu kerana ia-telah berjaya menjadikan dua orang peguam itu sabagai halaman akhbar untuk dia mengi'alankan pekerjaan-nya dengan perchuma. Shabash Dr. Underwood yang telah berjaya memainkan dua orang peguam.

Di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa belas kasehan kapada dua orang Ahli Yang Berhormat ini kerana mereka telah di-kudakan (*Ketawa*) oleh sa-orang Doctor, rupa-nya Doctor itu pun boleh memainkan Peguam. Ini, Tuan Yang di-Pertua, soal Doctor memainkan dua orang Peguam ini, ada-lah menjadi satu amaran kapada Ahli² Yang Berhormat dari Ipoh dan Menglembu supaya jangan mereka itu berfikir bahawa mereka itu sentiasa akan berada dalam Dewan ini kerana mereka telah mainkan pengundi² di-Ipoh dan di-Menglembu dengan putar belit dan berbagai belah maka pada satu masa nanti orang² di-Ipoh dan di-Menglembu akan sadar yang mereka telah di-mainkan oleh wakil² yang mereka pilih itu.

Enche' D. R. Seenivasagam: You will be dead before that.

Tuan Syed Ja'afar: Saya perchaya pengundi² di-Ipoh dan di-Menglembu akan sadar bahawa kedua² Ahli Yang Berhormat ini tentu-lah tidak berasa megah mewakili pengundi² di-kawasan itu. Pengundi² Ipoh-Menglembu bukan sahaja akan merasa yang kedua²

Ahli Yang Berhormat itu berlainan kulit dengan mereka tetapi mereka akan sedar bahawa dua orang wakil mereka itu tidak menyertai mereka dalam semangat, kemegahan dan sentiment mereka. Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat² kesalkan daripada chadangan ini dan perkara² yang menerbitkan chadangan ini di-kemukakan dalam Dewan ini ialah kerana dengan chadangan ini terpaksa melibatkan Doktor² yang mempunyai kemahiran yang khas dalam satu² perkara. Ini satu perkara yang kalau Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Menglembu itu menganggap diri orang² yang bertanggung-jawab tentu-lah mereka tidak menyebutkan Doktor², Specialist² itu. Sa-patut-nya kita tidak mengganggu mereka itu sama ada dalam Dewan ini atau di-luar Dewan ini supaya mereka dapat menjalankan tugas dan kewajipan mereka yang penoh berperi kemansuaian di-dalam-nya dengan tegoran² yang pedas yang boleh merosakkan nama baik mereka itu. Dengan sebab tegoran², bidasan² dan tuduhan yang tidak bertanggung jawab yang telah di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat tiada akan mengganggu fikiran dan ketenteraman Doktor² dan Specialist ini dalam menjalankan pekerjaan mereka. Dan kalau-lah berlaku satu yang tidak baik kerana ini maka ini manusia yang bertanggung-jawab kerana keburokan itu.

Tuan Yang di-Pertua, chadangan yang di-bawa-nya ini barangkali orang² tidak faham atau kurang faham. Chadangan yang di-bawa-nya ini sangat berat kerana dia hendak memberi undi tidak perchaya kepada sa-orang Menteri. Jadi, ini satu chadangan yang berat sa-kali dan ini-lah telatah sa-orang yang kerana di-desak dan di-dorong oleh nafsu sanggup membawa apa sahaja chadangan ka-dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan sinderan berkenaan dengan Dr. Abdul Majid dengan Koko's Mess-nya. Daripada perchakapan Ahli

Yang Berhormat dari Ipoh dan Menglembu ini kita dapat tahu yang kedua²-nya telah mengaku salah tetapi tidak mahu minta ma'af, ini ada-lah perangai bachol dan sombong.

Sebab saya katakan kedua²-nya telah mengaku salah, ia-lah kerana Yang Berhormat daripada Menglembu waktu berchakap dalam perbahathan chadangan ini dua hari dahulu telah meminta Dewan ini jangan sebut² lagi perkara Dr. Majid dan jangan sebut lagi perkara Koko Mess, tiba² pada hari ini merayu supaya jangan pula di-sebut² perkara itu. Ini menunjokkan yang dia mengaku salah apa yang telah di-chakap-nya kelmarin.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Chairman, Sir, on a point of order. Standing Order 37 (b)

"to elucidate some matter raised by that member in the course of his speech, provided that the member speaking is willing to give way and resumes his seat and that the member wishing to interrupt is called by the Chair".

Mr. Chairman: Are you prepared to give way?

Tuan Syed Ja'afar: Masa tidak chukup, Tuan Pengerusi. Saya mengenangkan, amaran, Tuan Yang di-Pertua, kerana hendak menghabiskan chepat.

Mr. Chairman: Tolong pendekkan sedikit.

Tuan Syed Ja'afar: Dia itu tidak tahan kena critic (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bahawa Yang Berhormat dari Menglembu dan Ipoh itu telah mengaku salah akan apa yang telah di-chakapkan-nya kerana ada mengandong tuduhan² yang burok di-atas Pegawai² Perubatan yang ada dalam negeri ini. Oleh sebab itu-lah dia merayu kepada Dewan ini jangan sebut dan jangan di-bangkitkan dan jangan di-ungkit² kan lagi perkara itu. Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh itu sendiri bila dia di-minta supaya mengulangkan ucapan-nya di-luar daripada Dewan ini waktu menchabar Menteri tempoh

hari hendak-lah menyebut balek satu persatu apa yang di-chakapkan-nya dalam Dewan supaya memberi peluang kepada pegawai² yang berkenaan itu membela diri di-muka Pengadilan Negeri dan di-situ nanti akan di-ketahui siapa yang bersalah dan siapa yang tidak bersalah. Ini satu permintaan yang patut kerana Pegawai² Kerajaan yang bekerja dalam mana² pejabat tidak mempunyai peluang untuk membersehhkan diri-nya dalam Dewan ini apakala ia-itu di-tuduh dengan tuduhan² yang boleh memburokkan nama baik-nya dan yang boleh merosakkan kedudukan jawatan-nya. Di-sini kita telah mendengar bahawa dia telah mengaku salah, tetapi tidak berterang². Mereka telah menerima chabaran daripada Yang Berhormat Menteri hendak mengulangkan apa yang mereka katakan dalam Dewan ini, tetapi saya berharap hendak-lah mengulangkan sa-biji² dan sa-butir² pada 29 hb ini, sebab kita tahu bahawa Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dan dari Ipoh itu suka menggunakan skill-nya sendiri untuk memutar balekkan kenyataan-nya dalam Dewan ini. Biar-lah perkara itu di-bawa hadapan Mahkamah, tidak perlu Yang Berhormat itu membuat tafsir atas apa tujuan chakap mereka. Kalau mereka hendak membuat tafsir atas perchakapan yang di-chakap-nya itu biar-lah dia membuat tafsir-nya dihadapan Mahkamah. Ulang sahaja-lah dan bachakan dengan tegas berkenaan dengan Koko Mess dengan tidak ada tafsir. Ini, kalau Yang Berhormat itu bersikap berani, kalau bachul, itu saya tidak tahu-lah.

Mr. Chairman: Kalimah bachul tidak boleh di-gunakan, tidak berani atau penakut tidak apa. (*Ketawa*).

Tuan Syed Ja'afar: Penakut, tidak berani-lah. (*Ketawa*). Saya minta kepada Yang Berhormat itu ulangkan sa-patah demi sa-patah dan ayat demi ayat sa-bagaimana Yang Berhormat itu menguchapkan dalam Dewan ini. Jangan nampak dia saperti orang yang sudah menyesal bila membachau chapan-nya besok, saya kalau ada

kesempatan pada 29hb itu akan menghadhiri persidangan yang akan di-adakan itu. Satu perkara lagi sebelum saya dudok, Tuan Yang di-Pertua, saya teringat di-sini ada surat daripada Setia Usaha Kehormat Persatuan Pegawai² Kanan Kerajaan. Setia Usaha yang menulis ini berharap perkara itu tidak di-besar²kan, janganlah hendak di-bawa chakap di-luar atau dalam Dewan ini, apa yang telah berlaku, kata-lah sallu 'alannabi, jadi, damai-lah. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tidak di-indehkan-nya surat itu, membuang-nya dalam tong sampah. Rayuan yang penoh politeness yang ada dalam surat itu telah di-champakkan sa-bagai sampah sarap oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Menglembu itu. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Setia Usaha yang menulis surat itu sekarang berasa kesal yang tidak terhingga² sebab dia telah mengetahui bahawa dia telah buat deal dengan sa-orang yang bukan gentlemen.

Enche' Chin See Yin: Sir, the motion before the House is to reduce the salary of the Minister by \$10. This is a very small sum, Sir. It works out at 83-1/3 cents a month and I don't think the Minister would mind it. However, I am supporting the motion for another reason, not because of Koko's Mess but because of the General Hospital in Seremban. Now, on many occasions the Honourable the Minister of Health had made repeated assurances in this House that a new hospital would be put up in the capital of Negri Sembilan. That assurance has given a lot of false hopes to the people who thought that a new hospital would be put up very soon and they could go there to receive good and proper medical attention and rest under a very solid roof with proper foundations. Now this has been really an empty promise, I must say, and this false hope given is really a matter of regret. I am sure the Honourable Minister has visited Seremban on many occasions, and he has visited the hospital there which

was built nearly 100 years ago; and he might have seen for himself the condition of this building, which I have no doubt is in a very, very poor condition. And if he should be there for a longer time, say, during a rain-storm, it will not be surprising for him to see the roof torn away and the patients buried under the building.

On many occasions, Sir, the Honourable Minister has repeated his assurance that it would be a matter for priority. If that is a fact, then it is a pity that nothing has been done to put up that building all these years. When we debated the Estimates in this House, there was always provision for a new building, or something would be done to that hospital, but as years passed, we see nothing. Therefore, Sir, I say it is a matter of regret, and I think to reduce his salary by \$10, which is not a big thing, will help to remind him when every time he receives his pay there will be 83 1/3 cents less.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, I intend to speak at a later stage after hearing the Minister, but I rise now because I think it is important that further debate on this matter should not be on misconstrued lines.

The Member for Larut Utara suggested that it was improper for me to raise this matter here. I made it clear to this House that Dr. Underwood saw me in my capacity as a Member of Parliament. The Member for Larut Utara has suggested that if clients engage me, they can pay me; and he has also suggested that even if he comes to engage me, he will pay me. As members of the Bar, we must be very careful of what clients we accept, because if we lose the case it brings down our names. A client must have intelligence, otherwise we do not accept his case. That is my answer. If the Member for Larut Utara comes to me, I fear he lacks intelligence, and I will not accept his case. I will say, "I am sorry. I will not be able to help you."

Mr. Speaker, Sir, there is nothing more in regard to the Honourable Member for Larut Utara's speech that deserves any reply except one thing, and that is this: he made allegations of a serious nature against Dr. Underwood in his capacity when he was in Government service. He alleged he could prove that. I ask the Member if he is man enough to repeat these allegations, word for word, outside this House—name the date, the time and the place to me—and he will find himself in the proper place. I hope if he is man enough he will accept this challenge and request, which I make to this House. I say this to the Member for Larut Utara: "If you have any information, then you are not a loyal citizen of this country because you took no steps to report it either to the Government or to the Police that Dr. Underwood was making money out of private practice." My challenge stands, and I hope to get a reply during the course of this debate today.

Mr. Speaker, Sir, the most important speech was from the Member for Johore Tenggara. Mr. Speaker, Sir, for the benefit of that Member—he may not have understood my English—I will speak in Malay: "Pukol tiga, 29 haribulan January datang-lah Peninsula Hotel. Word for word *lu boleh dengar. Balek rumah tidor boleh ingat.*" I apologise for any wrong Malay which I may have used, and I hope that the Member will be at the Peninsula Hotel, if he is man enough to be there.

Mr. Speaker, Sir, it has been suggested that they are not afraid to speak on Koko's Mess. We gave that advice in good faith, in all sincerity. If the Member from Johore Tenggara says that we admit having made any false statement here, again I say it is due to lack of knowledge of the language in which we spoke, because we did not withdraw one word of what we said in this House; but we said our words have been misconstrued in this House. What we said is on tape recording in this House. We clarified what we said; we did not go back on

one single word which we said. I hope—I do not know enough Malay—the Honourable Member will now understand that we did not withdraw one single word we have said.

The Member asked: “What is Koko’s Mess, why I mentioned Koko’s Mess?” The Member from Kuala Kangsar was kind enough to say that to Koko’s Mess go doctors, go big business men, go other men—men of high standing in this country. Why? I ask why, again. I ask the Honourable Minister: “Find out why Koko’s Mess exists in Kuala Lumpur town, find out what is in Koko’s Mess, find out the elements who go there—Koko’s Mess”. Prostitutes, strip-tease dancers, like Annie Cheah, go to Koko’s Mess. I know people have a right to their private lives. I agree with the Honourable Member for Dato Kramat that it is wrong to speak of the private lives of people, but when some things become, as the Member for Dato Kramat said, connected with matters which this House is interested in, then I say that it is a matter no longer private—it is public. For the moment, Sir, I say prostitutes and call girls go to Koko’s Mess. Who stay in Koko’s Mess when these people go there? I repeat again—contractors go to Koko’s Mess. For the moment that is my third dose which I give. And I ask, if they want the fourth dose—fortunately I have a chance to speak more than once in Committee stage—I will give the fourth, the fifth and the sixth dose. I will mention more names in this House which I will repeat, word for word, outside this House—if they want it—because when we say something, we have proof. We know—I repeat—contractors go to Koko’s Mess.

The Member, again from Johore Tenggara, has said that I am not a gentleman. I do not know why he says that I am not a gentleman. But does the Honourable Member know that the writer of this letter was kind enough to come and see me with this letter, that I asked the doctor, who happens to be the Secretary, “Can

I read this letter in Parliament, can I use it in Parliament, can I use it for any purpose?” He said “yes”—he gave me full authority to use this letter. Why did he say I am not a gentleman? Does that Member know what he is talking about? I told the General Secretary, who brought this letter to me, and who was kind enough to do that, that I would give a reply to him in due course. Mr. Speaker, Sir, if Members of this House want to accuse others of not being gentlemen, they must know what they are talking about. Why should he say that I have thrown this letter into the waste paper basket? Mr. Speaker, Sir, that is the character, that is the manner in which that Member is notorious for his speeches in this House—irresponsible—which he cannot substantiate in any manner. That is the type of person who says that we are not honest, when we bring matters to this House.

Mr. Speaker, Sir, it has been again suggested that Dr. Underwood should have brought this matter to Court. Bring what matter to Court? The man is victimised by others—bring what to Court? Is that the knowledge of the law, with which the Member is speaking? If that is his knowledge of the law, then I am not surprised. He wants me to repeat all this in public, but he does not know what is involved. There is nothing for Dr. Underwood to go to Court for. Dr. Underwood, as a citizen of this country, can go and see a Member of Parliament to get redress for what he thought was wrong. For the moment that is the dose I give as No. 3, and my reply so far.

Enche’ Lee San Choon (Kluang Utara): Mr. Chairman, Sir, I strongly oppose this amendment. With your permission, Sir, I would like to refer to Koko’s Mess and the name of Dr. Majid bin Ismail again.

You will recall, Sir, that the Honourable Member for Menglembu in supporting the amendment has said that the Honourable Member for Ipoh has cleared the name of Dr. Majid

bin Ismail and that if the Alliance people insist on talking on Dr. Majid bin Ismail, the blame will go to them. Well, Sir, I would like to ask this— if the Honourable Member for Ipoh has not smeared the name of Dr. Majid bin Ismail, why should he clear Dr. Majid's name? I ask again, why should he clear his name?

Enche' D. R. Seenivasagam: Because you do not understand English.

Enche' Lee San Choon: You will have a chance to speak. (*Laughter*).

Mr. Chairman: I would like to appeal to Honourable Members to be restrained in their speeches when putting forward argument. You can put up your arguments based on facts. Proceed.

Enche' Lee San Choon: Sir, the Honourable Member for Ipoh said that he mentioned the name of Dr. Majid bin Ismail only in connection with "Koko". If he has no intention to cast a doubt on the integrity of Dr. Majid bin Ismail, then why should he have said this, "And who is Koko? Mr. Speaker, Sir, Koko is the nickname of Dr. Ismail"—and he went on to say, "I do not mean our Minister of Internal Security—but I think everybody knows who Dr. Ismail is"—why qualify that? Not satisfied with that he went further saying, "I think the proper name is Mr. Ismail." If he has no intention to cast doubt on the integrity of Dr. Ismail why should he qualify that? Now, in his last speech he said, "I have nothing to do with Dr. Majid Ismail and I only mention his name because Koko's Mess derives its name from the nickname of that person." Is that true?

Mr. Speaker, Sir, there is another thing. I was very disappointed at the attitude of the Honourable Member for Ipoh. In his speech delivered on the 9th January, 1962, he painted a very good picture of Dr. Bhupalan. He said that he is the only qualified man—and this he maintained—and he went on to elaborate that there might be victimisation, injustice, for him to

leave the service, and so on: But when he produced a letter to the Minister of Health and Social Welfare in support of his resignation, what did the Member for Ipoh say about Dr. Bhupalan?—"This man, no good", "This man is no good." Why? "You support me, you are a good man; if you do not support me, you are no good." This is the attitude of the Honourable Member for Ipoh, under the coverage of this House, Sir. Now, I would like to quote the exact words of the Honourable Member for Ipoh regarding Dr. Bhupalan—"For a few pieces of silver he is prepared to leave the Government Service". Why then had he at first painted such a good picture of Dr. Bhupalan?—Because he thought that Dr. Bhupalan was going to be his supporter.

Enche' D. R. Seenivasagam: Read the whole of what I said.

Enche' Lee San Choon: This is what you said. (*Laughter*).

Mr. Chairman: Order, order. All remarks, under the Standing Orders, should be addressed to me, the Speaker; I have warned this House on this time and again. Please proceed.

Enche' Lee San Choon: The Honourable Member for Ipoh has also accused the Minister for having trusted his officers, for having taken the words of his officers as gospel truth. Sir, such a vast organisation like the Ministry of Health and Social Welfare, surely you cannot expect the Minister to deal with everything himself? Surely he has got to rely on his officers, surely you cannot expect the Minister to run the Ministry of Health and Social Welfare like the Honourable Member who runs the Peoples' Progressive Party which is noted for its dictatorial manner the Party is governed.

Sir, I will give you a further point regarding the attitude of the Honourable Member for Ipoh. He, in his first page, blamed the Honourable Member for Bungsar for not having the guts. He also blamed the Minister for associating his accusation with the

accusation of the Honourable Member for Bungsar. But then, what did he say later on? Later on, the Honourable Member for Menglembu praised the Member for Bungsar, just because the Honourable Member for Bungsar supported the amendment. That is the attitude—those who support me—Good men (*Laughter*); those who oppose me—No good or bad. (*Laughter*). Sir, I feel that I have said enough. Thank you.

The Assistant Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr. Chairman, Sir, I rise to oppose this motion brought in by the Honourable Member for Ipoh.

Sir, we can understand why the Honourable Member for Ipoh and his colleagues in the Opposition have supported this motion. They know that the health service is the most important thing in a country. They know too that the Ministry of Health, and the Honourable Minister of Health, is doing a wonderful job in this country. They know too that every year more and more Doctors come into the service, that more and more people are trained in the medical services and that more and more people both in the urban and rural areas are benefiting by the Medical Department. That hits at the root of the PPP and the Socialist Front and others too—some independents—from getting their votes. They bring this up to smear dirt on the Ministry, on the Department, on the Civil Servants, so that they can paint a very bad picture to the electorate.

Sir, my Honourable friend who spoke before me has quoted the case of Dr. Bhupalan. But the first day we heard, "He is a good man, a clever man, why should he resign?" The next day we heard, "He is a bad man." That has been very well put by my Honourable friend.

Then coming to my Honourable friend from Bungsar—he contradicts what his Party says. His Party wants the Kuala Lumpur Hospital to be built last, but he says that it should be

built immediately. These are what we hear from Members of the Opposition.

Sir, I do not wish to dwell at length, but I would tell the Honourable Members of the Opposition that they have a duty towards the electorate, that they have a duty towards the people of this country and that they have been elected as Honourable Members. I hope that instead of throwing dirt at the Ministries and at Civil Servants, they would do some concrete work by telling the Ministries concerned whatever they think that they should bring rather than talking about Koko's Mess and other things like this. Thank you.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membangkang dengan keras-nya chadangan atau usul yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat adek beradek. Apa yang di-kemukakan.....

Mr. Chairman: Saya sudah tegah kalimah adek beradek itu jangan disebutkan lagi. Sebutkan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Menglembu.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, itu saya sebutkan.....

Mr. Chairman: Jangan chuba hendak argue dengan saya. Proceed.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sa-balek-nya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat oleh sebab kejayaan dan usaha²-nya untuk meninggikan taraf kesihatan yang chemerlang bagi Persekutuan Tanah Melayu, khas-nya bagi penduduk² di-luar bandar. Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu telah pun dengan giat-nya bekerja; dengan bantuan wang yang banyak itu untuk mengadakan 1,500 pegawai yang akan di-tambah sa-lain daripada kaki tangan pegawai² rendah. Ini bukan-lah sa-patut-nya di-potong \$10 sa-bagai mana usul yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, tetapi

sa-kalong bunga raya patut di-berikan kepada Yang Berhormat Menteri itu.

Saya rasa, dukachita oleh sebab tuduhan² itu tidak patut di-buat didalam Dewan ini, kerana tuduhan² itu hanya untuk mengelirukan fikiran ra'ayat dan tuduhan² itu yang saya perchaya tidak bertanggung jawab semua sa-kali. Ra'ayat sedar politik kotor yang di-mainkan oleh Yang Berhormat itu. Ada-kah patut pegawai² tinggi Kerajaan telah di-seret masuk dalam Dewan ini? Doctor² dan pakar² di-seret masuk dalam Dewan ini? Kalau-lah pegawai² tinggi, ahli² pakar boleh di-seretkan masuk dalam Dewan ini betapa pula dengan pegawai² division 2, division 3 dan empat yang tidak patut di-bawa ka-dalam Dewan ini. Kita sedia ma'alum ia-itu perbinchangan ini terjadi oleh sebab daripada telatah Yang Berhormat dari Ipoh yang membangkitkan soal Dr. Underwood masuk dalam Dewan ini. Bagitu juga Dr. Majid di-Koko's Mess dan Dr. X yang di-chakapkan dalam Dewan ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-sini ada-kah adil pegawai² yang tidak bersalah itu di-seret masuk dalam Dewan ini? Memang saya kenal dengan Dr. Abdul Majid bin Ismail kerana hampir tiga tahun saya bersama dengan dia di-College, makan minum dan tidor bersama dengan-nya. Saya tahu dia sa-orang yang peramah. Dr. Abdul Majid itu ia-lah Koko, Koko itu ia-lah Dr. Abdul Majid. Jadi, apabila nama Dr. Abdul Majid di-seret masuk di-sini berma'ana mereka ada sangkaan jahat. Tuan Yang di-Pertua, mereka anggap—Ahli² Yang Berhormat dari Ipoh dan Menglembu itu-lah sa-benar²-nya manusia yang baik dalam Tanah Melayu ini. Dan mereka ini anggap Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan pegawai² di-Kementerian-nya itu tidak bertimbang rasa. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, orang yang bertimbang rasa ia-lah orang yang menjual buah langsung, orang pembeli sa-belum ia membeli-nya di-rasa-nya dahulu, di-rasai sabiji lagi. (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh rasa dukachita oleh sebab tiga empat hari ini beratus²

doctor dan beribu² pegawai dalam Rumah Sakit rasa terharu fikiran mereka oleh sebab telatah yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Beribu² pegawai di-Rumah Sakit dengan bersungguh dan bermati²an bekerja sa-tiap masa sa-hingga dalam pukul 1.00 ini harus banyak orang yang terlantar dalam Rumah Sakit itu mengharapkan belas kasehan dari doctor² serta pekerja² itu untuk menyelamatkan nyawa mereka itu; tetapi dengan tuduhan yang tidak baik yang di-bawa masuk dalam Dewan ini harus fikiran mereka itu terharu juga dan tidak dapat menjalankan kerja atau tugas-nya dengan lichen.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan patut di-beri sa-kalong bunga kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan oleh sebab kita tahu benar² ia-itu perkhidmatan kesihatan dalam Persekutuan Tanah Melayu memang di-junjung tinggi oleh pelawat² dari segala negeri dan juga perkhidmatan ini ada-lah yang terbaik sa-kali. Jadi, usul yang sa-macam ini tidak patut Ahli Yang Berhormat itu membawanya di-sini. Saya berpendapat Ahli² Yang Berhormat itu telah pun berasa gelisah kerana mereka tidak senang dudok untuk menegakkan benang basah-nya. Oleh sebab saya tahu perchakapan-nya berkenaan dengan Dr. Bhupalan dan Dr. Abdul Majid berbeli². Pada tempoh hari soal Dr. Bhupalan di-puji² oleh Yang Berhormat itu tetapi dua hari yang lalu di-kecham dengan hebat-nya pula didalam Dewan ini. Jadi, berdolah daleh-lah perchakapan-nya itu, hari ini lain, hari esok lain pula. Ini memang-lah perkara biasa kepada learned Member itu kerana ia ada-lah sa-orang Lawyer. Jadi, saya maseh ingat lagi ia-itu Ahli Yang Berhormat itu telah mengatakan Dr. Bhupalan berhenti kerja oleh sebab "he has been victimised" tempoh hari, tetapi dua hari yang lalu di-tambah pula satu perkataan "probably". Jadi, "probably" itu banyak ma'ana-nya. Sabagaimana kita bacha buku Shakespeare's battle of "ifs" ma'ana satu² tujuan itu boleh jadi lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan ada-nya ucapan dari pihak di-sebelah sana dengan berkeras hati hendak menegakkan ucapan² mereka di-luar, saya percaya ucapan-nya yang di-berikan itu tidak akan dikeluarkan sa-macam mereka buat dalam Dewan ini. Saya percaya Ahli Yang Berhormat itu tidak akan senang hati dan kurang sedap kerana parti PPP ada-lah parti pusing putar...

Mr. Chairman: Tarek balek!

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Saya tarek balek. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, parti PPP akan menjadi parti purak peranda.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1962

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads 24 and 25—

Debate resumed on Question—

That the sum of \$97,705,850 for Heads 24 and 25 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' S. P. Seenivasagam (Menglembu): Mr. Chairman, Sir, I would like very briefly to intervene at this stage, because my name has been mentioned by more than one speaker and the reasons which I gave in support of this motion have been attacked, and I have been charged with having made them irresponsibly and without due care. I would like to repeat to this House that everything I said was weighed carefully and that in spite of the eloquence of some Members and in spite of the threatening attitude of other Members, I do

not intend to withdraw anything that has been said.

The Honourable Member for Larut Utara has made a speech in which he has alleged so many things against us, but which in my opinion were utterly irrelevant to the debate and I do not want to take the time of this House in replying to his points, except to say that it would be a waste of time if I were to take the speeches made by the Member for Ipoh and myself and to attempt to explain to him line by line. That is not our duty. Perhaps some of his colleagues might enlighten him as to the meaning of what was really said in this House. I would, therefore, forgive him, for he knows not what he is talking about. I would rather let him live in blissful ignorance.

Now, the Honourable Member from Johore Tenggara has spoken in his usual style. I don't know whether that is an inborn trait, or whether he assumes it, but one gets the feeling that he believes that by talking in a threatening manner he can intimidate Members of this House. I would rather take a charitable view of it, and say that that is his natural characteristic and that he is not attempting to intimidate Members of this House, because by this time he must know that we of the PPP cannot be intimidated whether in this House or outside this House and therefore there is no point in anybody wasting his energy by trying to shout at us. The Member for Ipoh has already replied to him in detail, but there is one thing which I think I have to make clear, because he made specific reference to me. He said that during my speech I had suggested that it was not necessary in this debate to proceed further with Koko's Mess or to make references to Dr. Majid bin Ismail. That statement was made by me with the best of intentions, because I had been given to understand by several people that Dr. Majid bin Ismail, against whom really we did not intend to make any allegations, had been hurt about it, and we felt that as human beings it was our duty, if

possible, to put an end to that incident. That was an appeal made in good faith. And what does the Member for Johore Tenggara say? He says, "Frightened, afraid to talk about it. Why do they want us to stop talking about Koko's Mess?" And thereby he provoked another attack on Koko's Mess. Before the Member for Johore Tenggara said we are frightened, he should have first made up his mind, should have thought to himself, "What should they be afraid of?" And I ask the Member: What are we frightened of? What do you think we are frightened of—frightened of whom, frightened of what? Surely he should follow up and say what we should be frightened of. I say that we are not frightened of any allegations which we have made in this House. If out of the goodness of heart we decide to cut short a subject, don't mistake it and think that we are afraid. There has been, Mr. Chairman, Sir, a deliberate attempt to provoke us into making statements which we cannot substantiate. But let those Members who think that they can provoke us also remember that, while they may be of equal intelligence to us, we are certainly not of inferior intelligence to them and we cannot be provoked into making statements which we do not want to make. As for Koko's Mess itself, I personally did not make any allegations against Koko's Mess, but, of course, I endorse every allegation that has been made by the Member for Ipoh against Koko's Mess, and from all reports it is a cesspool of iniquity and I would not use any stronger words at this juncture. As for instances of what goes on in Koko's Mess, that also I do not want to say now. Perhaps the Members who are trying to provoke us into saying more about Koko's Mess will think twice and not provoke us further, because after all if we do make allegations and if we repeat these allegations outside, who is going to make the next move? Not any Member from this House. If we repeat these allegations on the 29th at the appointed place and time—and we are going to do it—somebody has got to take the ball. Who is going

to take the ball and play ball with us after the 29th? Not those Members who are trying to provoke us today, but some unfortunate person in the Medical Services Department will have to start it. And who is going to be this unfortunate man who is going to be instigated to bring an action against us? Think before threatening and talking too much.

Mr. Speaker, Sir, other irrelevancies were that we are going to lose the elections in Ipoh as a result of what we have done in this House; and the Member for Johore Tenggara hopes that in the next elections perhaps there will be no more PPP in this House, there will be no more Member for Ipoh or Member for Menglembu who is of a different colour of skin—I do not know what he meant by that. I thought he was non-communal, but anyway I think it is fair to assume that the Honourable Member for Johore Tenggara is not likely to see Ipoh being lost by us during his present birth and even if he were born twice over I believe we shall still hold on to Ipoh, Menglembu, the Kinta Valley, and perhaps a good deal more of the Malay Peninsula.

Now, Sir, before I conclude, I just want to make one reference to Dr. Bhupalan. I think it was the Honourable Member for Kluang Utara who tried to say that we were being inconsistent—that one day we said Dr. Bhupalan was a good man and the next day we said Dr. Bhupalan was a bad man. Now, if he only had taken the trouble to read the speech made by the Member for Ipoh, he would not have said such things. What did the Honourable Member for Ipoh say on the first occasion? What he said was that Dr. Bhupalan was a man of the highest professional attainment, a good medical man, an excellent doctor to have in the service and, therefore, why should he resign? Is it not fair to assume that he resigned because of injustice, because he was not satisfied, because of cliques and because of so many things in the Medical Department? That was the substance of

what the Member for Ipoh said, and we stand by that. Dr. Bhupalan was a first class doctor. But there is a difference between a man's professional character and the other side of his character. You can be an excellent doctor, or an excellent lawyer—but at the same time you need not be an excellent man. So the suggestion was that Dr. Bhupalan is all these things. He is very good and we think he probably resigned, or he did resign, because of injustice or unfair treatment.

The next day the Honourable Minister produced a letter saying he did not resign because of any such complaints and that he resigned for personal reasons. Then we said, "Well, in that case it would appear that he is a man more concerned with his pocket than his services to humanity." Now, what is wrong in that? Isn't that a fair inference? Surely it is a fair inference that if a doctor is keen to serve humanity, the place to do so is the hospital. Never mind if one does not get so much money. But if one says, "No, I look after my pocket first", then we say, that person is a good doctor but he is not as good a man as we had hoped that he would be. That is all that we said. There is nothing inconsistent in that.

Now, this House, or rather the Members in this House, have today paid a very great compliment to the PPP—and in particular to the Member for Ipoh and to myself—because if you look at it, you will find that in this whole debate, on our side there have been just two speakers, but in order to answer the powerful arguments advanced by us, a battery of speakers have had to get up to answer us—I consider that a compliment—and even then, up to this stage, they have done nothing except hurling abuses, not one solid answer to the allegations made by us; and I fail to see why the time of this House and the taxpayers' money should be wasted for two or three days. The Honourable Minister has already shown us the

way: he said, repeat it outside the House, and we replied that we would repeat it outside the House, and that should be the end of the matter. If our charges are proved false, we will be summoned to Court, we will be proved to be liars, and that may be the end of our political career. But if no case comes against us, if we are not found to be legally liable, then the Medical Department is condemned as corrupt and the Honourable Minister should no longer sit in this House. That is the result of the challenge which has been thrown to us.

Now, in this debate, the MCA has stood up loyally for the Minister, the UMNO has stood up loyally for the Minister, and the poor MIC also has had to stand up to put in the last word for the Minister. But as I have said, with all the battery of speakers, I do not feel that they have in any way damaged our case. They have given us no cause to regret anything that we have said, and I assure the Member for Johore Tenggara that on the 29th of this month he will have the pleasure and the privilege of seeing Members of this House, who have the courage to repeat what was said here outside this House, and I hope the Member for Larut Utara and the Honourable Minister himself will also do us the honour of repeating their allegations outside this House.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit dalam perbahathan chadangan daripada wakil Ipoh dan di-sokong oleh sa-bahagian daripada Ahli Socialist Front berkenaan dengan hendak memotong gaji Menteri iaitu di-kurangkan sa-banyak \$10. Mengikut pandangan saya dalam perbahathan yang telah di-adakan berlarut², berulang² mengatakan yang perkara ini hendak di-pendekkan dan sa-bagai-nya, tetapi nampak-nya kita sudah membuang masa yang banyak dengan mengulang²kan keterangan dan menchabar keberanian dan sa-bagai-nya yang saya pandangan kecil sangat. Ini jelas pada pehak

saya sendiri. Saya harap pehak wakil Menglembu terutama-nya jangan-lah memikirkan yang ucapan saya ini pula menyokong atau pun hendak menegakkan parti saya atau pun sokongan saya daripada UMNO tetapi ini satu chabaran kepada PPP. Saya mengatakan begitu, sebab saya lihat tidak ada satu tempat dalam atoran peruntukan wang Kementerian Kesihatan yang dapat di-chelahkan dengan sa-benar-nya oleh pehak PPP. Jadi dengan chara yang begitu saya nampak sengaja menchari sebab, saya alaskan untuk membuat perbahathan bagi meminda dari chadangan yang di-katakan tadi.

Kami penyokong Perikatan berfikir yang kami tidak terburu² dan kami tidak-lah takut di-chabar atau pun jangan-lah suroh menchari kalau kami tidak mahu. Saya berdiri di-sini berchakap menolak hujah² ini, kalau hendak menchari atau hendak mengulang ucapan kita di-sini, itu memang kerja kita bagi ahli² politik. Tidak chukup hari ini besok kita ulang lagi, tidak chukup besok mana sahaja dan sa-lama ini pun kita memang berjuang dan terdiri-nya Kerajaan Perikatan hari ini ia-lah daripada chabar-menchari di-antara kita semua. Jadi kita tetap berdiri di-atas kesuchian dan keberanian kita di-atas perkara yang benar. Walau bagaimana pun putar belit ucapan atau pun ulasan atau pun perkara² yang di-katakan oleh wakil Ipoh atau Menglembu juga pehak Bungsar, saya nampak perkara ini bagi pehak kami di-sini umpama-nya mahu memendekkan perbahathan ini atau pun mahu menyekat kebebasan perbahathan atau pun lain² di-keluarkan oleh pehak itu—boleh. Kami men-chadangkan di-tutup perbahathan ini dan kalau undi sudah tentu kami menang, tetapi tengok-lah pehak kami sedia menerima kechaman², sedia memberi keterangan, fahaman² yang sa-benar-nya daripada keperchayaan kami, daripada timbangan kami, dan kami tidak-lah akan mengikut sahaja apa yang di-tujukan, apa yang di-suroh oleh pehak yang mendatangkan chadangan ini. Saya rasa ini ada-lah

satu chara, satu tektik yang lazim di-buat oleh pehak wakil Ipoh dan Menglembu yang memutar-belitkan perkara² yang kalau di-hati²kan perkara yang terjadi ini sa-bahagian daripada-nya ia-lah untuk menarek kita tidak perchaya kepada pentadbiran Menteri dan sa-bahagian daripada-nya pula ia merendahkan keadaan perjalanan P.S.C. juga untuk menchemarkan nama baik sa-bahagian daripada kaki-tangan Kerajaan, dan akhir²-nya pula mereka mahu kahadapan untuk membersehhkan semuanya ini supaya dari segi politik diperhatikan atau di-pandang atau diteliti oleh ra'ayat barangkali pehak-nya yang benar. Jadi saya suka-lah menegaskan di-sini bahawa bagi pehak kami di-sini tidak-lah mahu menerima chadangan² yang di-buat atau pun untuk meminda atas apa yang di-chadangkan dalam Majlis ini, dan sa-kali lagi kita berani menegaskan ia-itu pehak kami sedia berdiri tegoh di-belakang Menteri Kesihatan kerana memang-lah kalau dengan chara kemajuan sa-bagai sa-orang Menteri sudah terang dan nyata kemajuan² yang di-buat daripada Kerajaan Perikatan dahulu. Jadi benda ini tidak dapat lagi hendak di-tolak, hendak di-hapuskan pada ra'ayat semua di-merata² pelosok tanah ayer kita ini bercheranchang kemajuan² kita ini timbul dari pimpinan atau pun dari atoran Menteri Kesihatan kita; walau pun ada lagi terutama sa-kali bagi pehak wakil Bungsar yang mencheritakan panjang lebar berkenaan dengan kemundoran atau ta' baik-nya General Hospital Kuala Lumpur ini, tetapi Ahli dari Bungsar itu patut-lah ber-politik sa-chara manusia biasa.

Saya memberi tahniah atas susunan yang di-beri atau pun yang di-ator oleh Menteri Kesihatan ini dan patut-lah Ahli dari Bungsar itu faham sakit atau penyakit yang ada dalam dunia ini tidak chukup kepada sa-buah bandar Kuala Lumpur ini pun besarnya hospital yang akan kita di-rikan pun ta' chukup.

Ini perkara yang benar. Perkara yang di-minta oleh Yang Berhormat

dari Menglembu tadi supaya kita berfikir sa-chara manusia. Mari kita berfikir semua perkara ini dengan chara manusia juga. Kita tahu hal itu, dan dengan sebab kita tahu keadaan kekurangan ini-lah maka kita adakan ranchangan² untok membena dan untok menchukupi keperluan ra'ayat. Saya suka memberitahu Dewan ini ia-itu sa-bagaimana yang kita tahu negeri² yang sudah maju di-mana² sahaja ada doktor² private. Boleh-kah kita menudoh bahawa Kerajaan Amerika mithal-nya, tidak chukup mendirikan rumah sakit? Kerajaan apa juga dalam dunia ini ada doktor private membuka perniagaan untok menyelamatkan nyawa atau penyakit manusia. Dengan fahaman ini mari-lah kita susor samula dan mari-lah kita timbangkan ucapan politik kita supaya kita mendabek dada yang kita ahli politik untok menyelamatkan ra'ayat dan negeri kita. Mari kita berfikir sa-chara manusia. Kalau kita tidak boleh buat, jangan kita suroh orang lain buat. Dan dalam keseluruhan ucapan yang telah di-buat, baik oleh Yang Berhormat² dari Ipoh dan Menglembu mahu pun wakil Socialist Front, tidak sedikit pun menyusahkan hati saya, sa-olah² sa-bagai sa-ekor pijat² sahaja dalam sa-buah rumah yang besar, jadi tidak terasa apa². Kalau mereka mengatakan bahawa jumlah perbelanjaan Kementerian ini tidak betul dan tidak baik atau begitu bagini atau pun menunjukkan satu chara melaksanakan yang baik dan beri satu chontoh yang baik dengan menganggarkan pendapatan yang ada dalam negeri kita ini, maka saya akan berfikir sa-mula ada-kah chadangan ini menasabah atau ada-kah chadangan ini patut di-galakkan. Kalau tidak, saya akan menentang dengan chara fikiran saya.

Jadi dengan ini Yang Berhormat² dari Ipoh dan Menglembu dan pehak² yang menyokong chadangan ini janganlah pula mengatakan pehak kami ini tidak berani menghadapi ra'ayat di-luar dengan keadaan² yang ada pada hari ini. Kita berada di-sini sa-telah kita berada di-luar, dan kita yang ada dalam Dewan ini akan juga berada

di-luar. Jadi dalam perkara ini kalau kita hendak menunjukkan apa keberanian sa-kali pun tidak payah kita chakapkan. Bagi pehak kita masing² memang berjalan ka-hadapan.

Saya tidak suka hendak berchakap lebeh kasar lagi, sebab saya di-didek sa-bagai guru. Jadi saya rasa chukuplah sa-takat ini, Tuan Pengerusi, untok menolak chadangan Yang Berhormat dari Ipoh.

Enche' Hassan bin Mansor (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun bersama² juga menolak dengan sa-keras²-nya chadangan yang di-bawa oleh Yang Berhormat dari Ipoh, dan sa-terus-nya pula menerima chabaran yang telah di-buat oleh Yang Berhormat dari Menglembu baharu² ini. Kalau Yang Berhormat dari Menglembu tidak takut kapada sa-barang ugutan dan chabaran, kami juga tidak takut kapada sa-barang ugutan dan sa-barang chabaran. Walau muka² yang ada dalam Dewan ini sanggup mengeluarkan penjajah, menjatohkan bendera Inggeris dan menaikan bendera yang di-chipta oleh ra'ayat sendiri, maka kami juga tidak takut menentang dua ekor yang ada dalam Dewan ini. (*Tepok*).

Mr. Chairman: Kalimah dua ekor tidak boleh di-pakai di-sini. Tarek balek.

Enche' Hassan bin Mansor: Saya tarek balek—dua orang Ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, sa-panjang perbahathan yang telah di-jalankan dalam soal atau usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh, dapat-lah kita mengkaji alasan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat itu tadi, ia mengeluarkan Dr. Underwood, Koko's Mess atau Kaka's Mess, dan alasan yang di-beri oleh Yang Berhormat dari Dato Kramat mengatakan soal Koko's Mess jangan di-bawa, itu soal personal, ia membawa satu benda yang lain, dan Yang Berhormat dari Seberang Selatan pula merayu dalam Dewan ini supaya jangan terima chabaran dan mengeluarkan chabaran, dan beliau ini juga berikhtiar mendapatkan surat doktor

yang sudah berhenti untuk menjadi bukti kepada Dewan ini bahawa pentadbiran dalam hospital ada-lah sangat menyedehkan. Jadi kalau kita bandingkan di-antara pendapat² daripada puak pembangkang yang menyokong usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh, nyata-lah bahawa apa yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh ini ada soal personal sahaja yang tidak bersangkut-paut dengan soal policy, dan yang tidak memberi faedah kepada ra'ayat seluruh-nya.

Tuan Pengerusi, di-sini boleh-lah kita memahamkan ia-itu seperti kata bidalan orang Melayu "Kalau kita hendak tahu keburokan sa-saorang itu tanya-lah kepada musoh-nya, dan kalau kita hendak tahu kebaikan sa-saorang itu tanya-lah kepada sahabat-nya". Jadi ini sudah nyata oleh kerana Yang Berhormat² dari Ipoh dan Menglembu ada-lah musoh politik Perikatan, sudah tentu-lah mereka akan berikhtiar mengeluarkan sa-barang perkara yang burok, yang saya rasa sa-mata² untuk hendak menchemarkan nama baik Kerajaan Perikatan.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, sa-telah kita mendengar ucapan daripada backbenchers, saya juga salah sa-orang yang berdiri tegoh di-belakang Yang Berhormat Menteri Kesihatan, yang kita sendiri sama² juga mengaku beliau itu-lah yang menjadi Menteri Kesihatan, dan dengan kerja² yang di-buat oleh beliau itu, maka saya rasa dapat-lah kita lihat hari ini, terutama Yang Berhormat dari Ipoh gemok dan gedempong. Jadi ini menunjukkan bahawa perjalanan kesihatan yang ada dalam Persekutuan Tanah Melayu kita ini ada-lah sangat lanchar dan baik, terima kaseh.

Dato' Ong Yoke Lin: Mr. Chairman, Sir, late this morning, it really sickened me to hear the Honourable Member for Ipoh saying those things in what he described as the "third dose" about the Koko's Mess. He asked me as Minister to carry out investigations into those things he said. Sir, I do not propose to descend to the level to which he has stooped,

but to treat it with the contempt that it deserves. Sir, this sort of scandal-mongering and malicious gossip is most unbecoming of an Honourable Member of this House and indeed it tends to lower the dignity of this House. In any case, Sir, the Honourable Member for Ipoh and also the Honourable Members for Bungsar and Menglembu have said that they would repeat every word outside. Well, Sir, we shall wait and see.

Sir, I was challenged by the Honourable Members for Ipoh and Bungsar to repeat outside the Parliament statements I have made in this House. I might, Sir, enlighten these Honourable Members that in Parliamentary democracy, Cabinet Ministers have, as part of their responsibility for the Government of the country, to make numerous statements in the House in the course of debates, answers to questions and so on. These statements are made after investigation and careful consideration of official information, much of which is of a confidential nature, and they are the statements, not merely of the individual Minister who makes them, but of the Government as a whole.

Enche' S. P. Seenivasagam: You are responsible!

Dato' Ong Yoke Lin: The proper place for statements by the Government is, therefore, in Parliament. It is consequently quite out of the question for an individual Minister to accept a challenge to repeat outside Parliament a statement which he has made as a Minister inside this House.

SOME HONOURABLE MEMBERS:
Shame! Shame!!

Dato' Ong Yoke Lin: The business of Government must be conducted in Parliament and not in the coffee shops.

Enche' V. David: Who asked for it?

Mr. Speaker: Please proceed.

Dato' Ong Yoke Lin: Sir, I would like to thank the many Honourable Members on this side of the House

for their very kind and encouraging words in supporting me as Minister against this motion which, as the Honourable Mover has put it, amounts to a motion of no confidence. Sir, as I see it, the motion centres around the alleged resignation at first of one doctor and then subsequently of another doctor, and that I have failed in my duty to deal with these cases thoroughly or properly. In my speech, Sir, on the 10th of this month, I made it very clear that as against a total of 224 doctors who joined the Service in 1960 and 1961, 61 doctors resigned; of these 61 who resigned in the two years, 17 were temporary medical officers who had come and gone, six contract and 33 probationers. Only five of them were on the permanent establishment. Now, two of these five said that they were taking up private practice, one was on personal grounds, one did not give any reason, and the fifth one was Dr. Underwood. He was the only one who alleged that he resigned due to dissatisfaction with the service, and that allegation, Sir, was made nine days after his resignation, after he had stopped work.

Perhaps, the Honourable Members of the Opposition concerned are so naive that they do not accept the fact that there would always be some resignations of doctors from the Government Service. The cases I mentioned above cannot be considered to be abnormal rate of wastage. In any free and democratic country, there will always be a certain proportion of doctors who get into the Government Service and who subsequently resign and go into private practice. It is too much to expect every doctor who qualifies to join and remain for good in the service—and I say every doctor—however satisfactory the conditions in Government Service may be.

The Honourable Member for Seberang Selatan quoted a letter of resignation from a medical officer. I presume he was referring—and I checked up—to a Dr. Thillainayagam. The Honourable Member alleged that I deliberately suppressed this case.

Sir, this is entirely untrue. The question raised for written reply by the Honourable Member for Kampar was in respect of resignations for the years 1960 and 1961. This particular resignation took effect on the 1st of January, 1962, and obviously was not included in the record of the Ministry in respect of the years 1960 and 1961.

Now, Sir, coming back to Dr. Thillainayagam, the letter that was quoted by the Honourable Member for Seberang Selatan said that this Doctor was the only doctor in the Federation of Malaya with a Diploma in Obstetrics and Gynaecology of the Royal College of Obstetricians and Gynaecologists, holding only an ordinary Medical Officer's post, while even a medical officer who joined after him with the same qualification was given a Clinical Specialist's post. This, again, Sir, is untrue. At that time, there were, including Dr. Thillainayagam, still in the service three doctors holding this Diploma. None of them had been made a Clinical Specialist. One of them, however, was made a Clinical Specialist only for a very short time when he acted in the post in Seremban.

Now, Sir, I would like to make it clear that this Diploma mentioned is not a full specialist qualification. The full specialist qualification in this field is the Membership of the Royal College of Obstetricians and Gynaecologists or the M.R.C.O.G. This doctor had got only the Diploma.

Now, the second alleged grievance was that an officer who joined after him was given a clinical specialist's post. This, as I said, is not true. In fact, the officer he referred to has not been given a clinical specialist's post.

In accordance with the General Orders, an officer without the full specialist's qualifications, before he can be made a clinical specialist, must fulfil the following conditions:

“He is performing the duties of a post calling for the exercise of specialist functions; and either he is in possession of recognised academic and profes-

sional qualifications and has experience to the satisfaction of the Director of Medical Services; or he has practised specialist functions over a considerable period."

Now, Dr. Thillainayagam has neither of these qualifications. It would appear that this officer was impatient and was under a complete misapprehension when he tendered his resignation. I submit that this is quite beyond the control of the Ministry, and hardly any blame could be attached to the Ministry or to myself for his resignation.

Another reason Dr. Thillainayagam gave was that in spite of his good work, he was not allowed to cross the efficiency bar in August 1960 and, instead, he has only crossed the bar in April 1961. Now, this officer rejoined the Service on 12th March, 1960 and his increment which would have made him to cross the efficiency bar should be normally on that same date the following year. The officer expected and demanded to get his first increment on the incremental date of his first service between 1953 and 1957. His incremental date then was 1st of August. If this officer had been allowed to cross the efficiency bar in August 1960, as he demanded, he would then have served the Government less than five months on rejoining.

This officer went to the United Kingdom on the 5th of April, 1961 for the purpose of sitting for the examination of M.R.C.O.G., the passing of which would have qualified him for a specialist's post. He returned on the 24th of August, 1961 and, as far as the Ministry is aware, he had not been successful in obtaining the M.R.C.O.G. I hope that this is clear to the Honourable Member opposite.

The Honourable Member for Dato Kramat referred vaguely to some old cases, which, I submit, Sir, had been satisfactorily cleared up in this House with no blame attached to any of the the staff of the Ministry. Now, if the Honourable Member will give facts to support his allegations, I shall, as I

have always undertaken to do, investigate thoroughly into them and give factual information to the House or to anyone making such complaint, or take proper action. I do not agree with him that whenever some vague allegations are made, Government should immediately set up a Commission of Enquiry. I hope it is not his intention to make a mockery of commissions of enquiry set up by the Government. I am sure he is not seriously suggesting that because one or two officers chose to resign, Government should immediately set up commissions of enquiry.

The Honourable Members for Ipoh and Menglembu have made rather disparaging remarks about Dr. Bhupalan. I am sure they felt they did not do themselves much credit when they brought up the resignation of Dr. Bhupalan alleging, jumping to conclusions, that it was due to injustice and victimisation. That is another case when they thought they were safe to jump into conclusions and they used that case to attack my Ministry and myself and tried to prove that there is so much injustice and victimisation that, in the words of the Honourable Member for Bungsar, there is a stream of resignations. But when they were confronted with the letter sent by Dr. Bhupalan—I assure them that it was on his own initiative and free will—when that letter was read to this House, their balloon was truly pricked. Thereafter, true to form, they launched this attack on Dr. Bhupalan citing one case, obviously brought to their notice by Dr. Underwood.

I would like—and I think it is my duty—to give the Honourable Members the true facts of this case, once again to clear the name of an officer, although he is no longer in the Service. Dr. Bhupalan did not contravene General Orders by helping out Dr. Underwood at the Assunta Hospital, because it is accepted Government practice for specialist consultants, like Dr. Bhupalan, to be available for consultation outside the hospital. In Dr. Bhupalan's case he had at times

been called to give such service. Any fees that might have been charged would have been paid into Government funds in accordance with Government regulations. It might be of interest to the Honourable Members to know that Dr. Bhupalan at one stage rendered services at the Lady Templar Tuberculosis Hospital, for which there was a fee of \$1,200. That sum was paid into Government funds. (*Applause*). In accordance with regulations, Dr. Bhupalan was entitled to and was paid \$600 out of that sum.

The Honourable Member for Seremban Timor supported the motion, because, he said, we have not yet built the new Seremban Hospital. Now, Sir, we cannot wave a magic wand and have a brand new \$10 million hospital. But I would remind the Honourable Member that when the Second Five-Year Plan was approved in February last year active planning for this hospital was taken up with the P.W.D. During the year a detailed survey of the site was carried out and the Architectural Division of the P.W.D. began work on the preliminary sketch drawings. These are now completed and are being studied by the Ministry officials. It is anticipated that since the preliminary drawings can be adopted in principle, actual site preparation and piling work of the main ward blocs would commence. Here is another case of a Member behaving in an irresponsible way and laying down charges without even attempting to find out what is going on.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, as the Mover of the amendment I would like to adopt with your permission, Sir, maybe, a somewhat unusual course of speaking after the Minister's reply, but I assure you, Sir, I am not going to raise any new matter.

Mr. Chairman: Well, under the present Standing Orders, when the House is in Committee, a Member can speak as many times as he likes, but I would like to remind you that under our Standing Orders, in a substantive

motion before the House, the Mover of the amendment has no right of reply.

Enche' D. R. Seenivasagam: Yes, Mr. Speaker, Sir, I indeed regret very much that the Honourable Minister should think that I have sunk to a very low level in mentioning certain matters. I assure you, Mr. Speaker, Sir, that there is a book entitled "Of Men and Mice", and I suggest that if Members of this House read that book entitled "Of Men and Mice", it will give enlightenment to many.

Mr. Speaker, Sir, in regard to Dr. Bhupalan, it has been suggested that the case which I mentioned was in every respect proper. I submit, Sir, that it was not proper—it was most improper. Dr. Underwood did a most improper thing in going to the Assunta Hospital to operate, and Dr. Bhupalan assisted him in doing a most improper thing—it was nothing proper. That was not the only case. Dr. Bhupalan had done other cases where he received money and where money had not been credited to Government revenue—and I hope the Minister will investigate those matters. Patients will testify that such things did happen as they have, in fact, testified to me in writing. That deals with Dr. Bhupalan.

Mr. Speaker, Sir, as the Honourable Minister was speaking just now, I felt very sorry indeed for the creature who spoke just before the Honourable Minister because the glory and the hero of that speaker was no longer the hero.

With regard to the Member for Larut Utara, I have not heard his reply. The Minister says he cannot accept the challenge because he is a Minister. I never heard such things in my life before—the same privilege which extends to me also extends to him—and if he could issue a challenge to me, I could issue a challenge to him. The book entitled "Of Men and Mice" is most appropriate.

With regard to the other Members of this House, I ask the Honourable

Minister in the interest of this nation, in future, do not issue challenges; and in the interest of the nation, I suggest that the Medical Department should discover a new drug to be known as the "drug of courage" so that Members of this House can get an injection of that new drug to give them courage (*Laughter*), so that they can speak with authority and not be afraid to repeat it outside.

Amendment put, and negatived.

Tuan Haji Hassan bin Haji Ahmad (Tumpat): Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap dalam Kementerian ini di-bawah Kepala 24, Item (53) Medical Officers. Di-kawasan saya ada lebeh kurang 30,000 ra'ayat tetapi chuma ada sa-buah klinik untok memberi ubat kapada orang² sakit di-situ. Klinik ini chuma ada mempunyai sa-orang jururawat sahaja dan tidak ada sa-orang pun doctor. Oleh kerana kekurangan kaki-tangan di-klinik ini maka banyak-lah orang² sakit yang datang di-situ untok mendapat ubat, tetapi tidak mendapat layanan yang sa-patut-nya dan mereka terpaksa-lah menunggu dengan masa yang lama. Sebab-nya ia-lah sa-orang jururawat ini pada sa-belah pagi ia pergi ka-kampong kerana membagi ubat, dan pada sa-belah petang sahaja-lah ia menunggu di-klinik itu.

Dato' Pengerusi, ini satu pekerjaan yang bukan mudah untok melayani berpuluh² orang yang datang pada satu ketika apa-tah lagi kalau ada yang memerlukan rawatan segera. Saya telah pun berhubung dengan Doctor Besar Kota Baharu sa-chara mulut meminta tambah lagi sa-orang jururawat. Ia menjawab dukachita ta' dapat hendak menghantar kerana kekurangan doctor, jururawat di-sana. Sebab-nya saya merayu akan hal ini ia-lah kerana kawasan Tumpat itu satu kawasan yang paling payah dan lambat hendak mendapat perubatan daripada doctor di-Kota Baharu. Apabila berlaku sakit terok atau chedera parah umpama-nya yang memerlukan rawatan segera maka sangat-lah susah, kerana tempat itu bercherai dengan sa-buah sungai yang luas.

Dato' Pengerusi, berkait dengan soal ini juga ra'ayat Tumpat di-kawasan saya itu ia-itu bersempadan dengan negeri Siam, dan kebanyakan daripada mereka itu berulang alek ka-sabelah Siam berhubung dengan perniagaan dan lain². Tetapi, satu perkara yang menyusahkan ra'ayat sana ia-lah hendak mengambil passport pergi ka-sabelah Siam ia-itu terpaksa mereka itu datang ka-Tumpat pada hari Ithnin kerana chochok yang datang dari Kota Baharu dan pada hari Sabtu datang sa-kali lagi kerana menerima kad kuning, dan pada hari lain pula datang kerana mengambil passport. Kesusahan ini, Dato' Pengerusi, akibat-nya daripada ketiadaan doctor di-sana, oleh yang demikian saya merayu kapada Kementerian ini supaya ambil ingatan dan dapat di-beri sa-orang doctor ka-klinik itu, juga di-tambah lagi sa-orang jururawat supaya dapatlah penduduk² di-situ perkhidmatan yang memuaskan.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Kementerian ini kita telah mendengar keterangan² yang di-kemukakan oleh Menteri Yang Berhormat berkenaan dengan kemajuan² yang di-buat dan yang akan di-buat oleh Kementerian ini dalam melancarkan kerja² perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan masharakat. Di-dalam perkara² yang di-sebutkan-nya itu saya terasa maseh ada perkara² yang patut saya bangkitkan di-sini. Tuan Yang di-Pertua, menurut apa yang saya ketahuï di-dalam Kementerian Kesihatan ini ada keadaan² yang mementingkan supaya Kementerian Kesihatan menyusun dan mengelokkan pekerjaan² yang bersangkutan dengan kewangan dan kira²-nya dalam Kementerian ini. Saya berasa dukachita, Tuan Yang di-Pertua, kerana apabila saya lihat kapada Item 19, 24, dan 29 tambahan² dalam segi mengemaskan susunan keanggotaan pentadbiran dan kewangan tidak-lah bagitu nampak. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang akan di-belanjakan oleh Kementerian ini hanya yang kedua bagi Kementerian Pelajaran. Maka saya rasa elok-lah Kementerian ini memper-

kuatkan segi susunan keanggotaan dan menjaga pentadbiran kewangan-nya, dan saya tahu dari masa ka-masa dalam menjalankannya dengan beberapa orang sementara. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, telah pun menarek pandangan Jawatan-kuasa Kira² Negara yang telah pun di-keluarkan penyata-nya kepada Dewan ini. Saya harap supaya kesungguhan di-tunjokkan oleh Kementerian ini dari segi itu, dan tidak-lah keadaan itu menyulitkan bagi masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Medical Officer. Kita mengetahui bahawa Medical Officer ini-lah orang yang menjalankan tugas Kementerian ini sa-chara langsung. Kekurangan Pegawai² Perubatan sama² kita ketahui dan walau pun ada tambahan, tetapi saya perchaya dengan sambutan yang amat bagitu baik yang di-beri oleh ra'ayat kepada perubatan² yang di-beri oleh Kementerian ini, tambahan ini tidak-lah menchukupi. Ini saya perchaya di-akui oleh Menteri Yang Berhormat itu sendiri.

Saya pernah berjumpa sa-buah hospital yang mengator perubatan dan lain². Pada sa-belah pagi-nya untuk pegawai Kerajaan dan budak² sekolah, dan pada sa-belah petang-nya untuk orang kampung. Saya dapati bahawa keuzuran yang di-kemukakan dalam keadaan yang seperti ini ia-lah kerana kekurangan doktor yang boleh melayan anggota masharakat yang datang meminta ubat. Dan ada hospital yang menyerahkan pemereksaan yang kechil² atau yang besar sadikit kepada Hospital Assistant, sa-hingga terasa bagi mereka yang berubat bahawa mereka tidak mendapat layanan, dan di-hospital yang mengator perubatan itu dengan mendahulukan pegawai Kerajaan dan orang ramai, orang kampung terpaksa kadang² balek ka-rumah-nya, dan datang di-sabelah tengah hari esok-nya. Semua-nya ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah kelemahan yang patut di-perhatikan oleh Menteri Yang Berhormat supaya dengan demikian dapat-lah ra'ayat yang telah perchaya kepada ubat moden

di-penohkan kehendak-nya dari masa ka-masa dengan tidak membantutkan sambutan-nya itu. Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara-nya Pantai Timor ada-lah kekurangan doktor yang tidak asing lagi bagi pengetahuan Kementerian ini. Sa-kira-nya, Tuan Yang di-Pertua, doktor maseh kurang juga di-Pantai Timor itu, dan tidak di-betulkan dengan segera, maka yang akan menderita ia-lah ra'ayat. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, supaya hal ini di-perhatikan oleh Kerajaan. Sebab menyerahkan orang ramai kepada layanan yang di-beri oleh Hospital Assistant samata², pada fikiran saya tidak-lah mumuskan.

Satu daripada perkara yang berhubong rapat dengan ra'ayat dalam Kerajaan ia-lah khidmatan Public Health. Di-dalam Kepala 24 ada 15 orang di-tambah bagi Public Health Inspector. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tambahan ini amat-lah kechil, dan saya berharap supaya Kementerian memikirkan penambahan dalam tahun ini juga supaya dapat-lah kesihatan orang ramai yang di-jalankan kerja-nya oleh Merinyu Kesihatan ini di-kawal dengan baik. Kita ada kawasan yang baharu di-buka dan ada tempat baharu yang menghendaki layanan. Saya rasa sa-kira-nya penambahan tidak chukup, maka yang akan timbul ia-lah membanyakkan bilangan² orang yang akan pergi ka-hospital. Kurang dalam Public Health Inspector, erti-nya banyak orang menjadi orang sakit, dan bukan-lah jadi kemegahan bagi sa-buah negeri bahawa angka bilangan orang sakit bertambah banyak dari sa-tahun ka-satahun.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini menarek lagi pandangan saya apabila saya lihat bahawa pada tahun sudah kita berbelanja sa-banyak \$647,000 bagi Perkhidmatan Kesihatan Orang Ramai saperti yang tersebut dalam Sub-head 18. Jadi pada tahun ini—entah apa sebab-nya saya pun tidak tahu—di-turunkan jadi \$622,000. Di-mana-kah letak-nya perkhidmatan yang akan di-lipatgandakan kalau peruntukan

kita kurangkan? Saya percaya Menteri Yang Berhormat ini tentu-lah tahu bahawa kepentingan mengawal kesihatan orang ramai lebeh besar daripada kepentingan menjaga orang² yang di-hospital itu atau memberi ubat.

Tidak payah-lah saya sebutkan sabagai perinsip atau perkataan yang di-pakai di-dalam ilmu perubatan dalam hal ini, sebab Menteri Yang Berhormat itu tahu. Chuba kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, Public Health Education. Pada tahun dahulu peruntokan-nya \$53,000 pada tahun ini \$50,000. Boleh-lah di-jawab bahawa orang yang belajar Public Health Education makin lama makin pandai dan makin kurang orang yang tidak tahu, maka kurang-lah belanjanya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa negeri ini maseh banyak kawasan² yang maseh menghendaki di-lawati, di-ajar dan di-tunjok oleh Kerajaan, terutama gulongan yang miskin, yang belum pun tahu apa-kah chara hidup yang di-kehendaki-nya dari segi ilmu kesihatan dan dari segi perubatan. Saya minta supaya soal ini di-pandang berat oleh Menteri Yang Berhormat, dan di-tambah wang yang \$622,000 itu sa-kurang²-nya menjadi \$650,000 atau pun jika kekurangan sangat balek-lah kapada asal sa-banyak \$640,000 baharu-lah terbayar oleh kita hutang dan kewajipan Kerajaan bagi menjaga kesihatan orang ramai dalam negeri ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa negeri ini maseh banyak kawasan² yang maseh di-kehendaki di-lawati, di-ajar dan di-tunjokkan oleh Kerajaan terutama-nya gulongan² yang miskin yang belum pun tahu apa-kah chara hidup yang di-kehendaki dari segi ilmu kesihatan dan dari segi perubatan. Saya minta supaya soal ini di-pandang berat oleh Menteri Yang Berhormat di-tambahkan wang sabanyak \$622,000 sa-kurang²-nya \$650,000 atau pun jika kekurangan ini lagi balek-lah kapada yang asalnya baharu di-bayar oleh kita tentang kebajikan Kerajaan bagi kesihatan orang ramai di-negeri ini.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, di-kawasan² di-luar bandar Public Health Inspector hendak-lah di-hantar lebeh banyak lagi. Di-antara pengajaran² pada pendapat saya patut di-sebarkan oleh Public Health Inspector ia-lah soal makanan. Kita tahu bahawa dalam negeri kita ini bangsa kita khusus-nya ada-lah memakai chara² makanan dengan tidak beberapa sangat memikirkan soal zat makanan. Pada satu tahun dahulu saya telah meminta kapada Yang Berhormat supaya mengikhtiarkan pengajaran² kesihatan di-dalam makanan bersangkutan dengan zat² kapada orang² yang hanya memandangkan makanan itu hanya untok mengenyangkan perut sa-mata². Hal ini dengan di-atorkan makanan sahaja-lah kita akan dapat warga negara yang bertenaga, yang bersemangat sanggup menaikkan kehidupan ikonomi ra'ayat bagi kebajikan mereka terutama anak isteri mereka.

Jadi, dengan jalan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan bahawa apa yang di-sebutkan oleh Menteri Yang Berhormat dalam soal training di-jalan dengan pesat-nya. Tuan Yang di-Pertua, lama juga kita menunggu selesai-nya soal latehan ini. Lama juga kita berharap bagi dua tahun yang lalu yang berkenaan telah menyatakan kapada kita bilangan Health Inspector dan Hospital Assistant tidak-lah besar tambahan-nya. Maka latehan itu biarlah memberi tempat kita berubat. Jangan-lah di-jadikan satu missionery yang terlalu panjang di-dalam latehan hingga beberapa lama menunggu pun tidak juga datang orang yang terlately. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sakiranya soal² yang demikian ini dapat di-selesaikan maka perkhidmatan Kementerian ini akan berjalan dengan baik-nya.

Enche' Ng Ann Teck (Batu): Mr. Chairman, Sir, I wish to speak on page 136, Item 53, Medical Officers and on page 137, Item 91, Student Nurses.

Sir, in spite of the statement and explanation given by the Minister the other day, I still believe that there is a general feeling of discontent and

supaya mengambil perhatian di-atas perkara ini.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan Public Health Officer. Saya suka memberi pandangan dalam Majlis ini ia-itu dalam keadaan sekarang ini saya rasa system yang ada ini tidaklah memuaskan kerana system yang ada ini tidak ada memberi erti yang penoh untuk memberi kebajikan kepada masyarakat. Dengan sebab itu saya menyokong pandangan yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi supaya perkara ini dapat di-tukarkan system-nya dan supaya ia memberi erti yang sa-benar-nya ia-itu: Prevention is better than cure. Itu-lah saya rasa perkara yang saya hendak sebutkan dalam Majlis ini.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit di-muka 136, Item (53) Medical Officers. Medical Officers, General Hospital, Kota Bharu sangat-lah kekurangan kerana kalau kita biasa pergi ka-hospital itu maka dapat-lah kita lihat bahawasa-nya beratus² orang yang sakit sama ada laki² atau pun perempuan menanti sa-hingga sampai sa-tengah hari lama-nya baharu-lah dapat mereka itu masok berjumpa dengan doktor. Sa-telah mereka itu berjumpa dengan doktor dan di-pereksa-nya maka nampak-nya tidak memuaskan hati, kerana pepereksaan-nya itu chuma di-jalankan dalam masa dua tiga minit sahaja. Ini ada-lah aduan² yang banyak kita dengar daripada ra'ayat² sana.

Satu perkara lagi yang penting yang saya suka hendak menarek perhatian Menteri yang berkenaan dalam perkara ini ia-itu General Hospital, Kota Bharu tidak ada mempunyai satu tempat tidor bagi doktor pada waktu malam. Jadi apabila orang² sakit yang dapat penyakit dengan mengejut datang ka-General Hospital itu untuk mendapat perubatan, mereka itu selalu di-khabarkan oleh orang² yang menunggu di-situ dengan mengatakan: Besok kamu datang, kerana doktor ta' ada sini. Doktor duduk dua batu

jauh-nya dari sini. Dan ada satu case yang telah di-siarkan dalam surat khabar yang mengatakan bahawa sa-orang telah mati oleh kerana tidak mendapat perkhidmatan ubat daripada doktor tersebut. Case ini saya fikir tentu-lah Menteri yang berkenaan ada membacha dalam surat khabar ia-itu sa-orang yang telah mendapat luka parah di-mulut-nya, kehilangan darah-nya sangat banyak, telah di-bawa ka-Kota Bharu, tetapi oleh sebab doktor ta' ada di-hospital pada waktu malam maka apabila di-talipon berjam² lama-nya baharu-lah doktor itu datang ka-General Hospital, tetapi di-dapati orang yang luka parah itu sudah menghembuskan napas-nya yang akhir. Apabila di-tanya apa-kah sebab doktor yang menjaga tidak ada di-waktu malam di-General Hospital itu, maka di-jawab-nya di-General Hospital tidak ada tempat tidor bagi doktor. Oleh yang demikian saya minta-lah kepada Kementerian tersebut supaya di-adakan satu tempat supaya dapat-lah doktor yang menjaga di-waktu malam itu dapat dudok dan memberi perkhidmatan yang perlu kepada orang² yang mendapat kemalangan di-waktu malam.

Satu lagi perkara ia-lah klinik untuk memereksa ibu² yang mengandung. Pada masa ini klinik untuk memereksa ibu² yang mengandung itu ia-lah di-satu rumah yang burok—yang kechil yang telah di-dirikan dihadapan Pejabat Setia-Usaha Kerajaan Kelantan. Oleh sebab kekurangan kaki-tangan dalam klinik ini, maka banyak-lah ibu² yang mengandung tidak mendapat perkhidmatan yang mustahak. Apabila mereka itu pergi untuk mendapatkan perkhidmatan yang mustahak mereka itu terpaksa menanti di-rumah itu dari pagi sampai pukul dua tiga petang. Maka di-sana baharu-lah mereka dapat layanan daripada staff yang bekerja dalam klinik itu. Ini saya tahu bukan-lah salah daripada staff di-sana, tetapi ia-lah kerana kekurangan kaki-tangan dalam klinik ini. Oleh yang demikian saya berharap kepada Kementerian yang tersebut supaya di-dirikan satu rumah yang baik—yang besar dan

dapat di-penohkan dengan kaki-tangan yang mustahak supaya dapat memberi layanan yang patut kepada mereka itu.

Dato' Ong Yoke Lin: Mr. Chairman, Sir, I am grateful to the Honourable Members for Bachok and Kuala Kangsar for suggesting that emphasis be given to the preventive side of the health service, and nutrition and other matters. Sir, I would remind Honourable Members of the speech I made the other day, in which I made very strong emphasis on the preventive aspect of the health service.

I could now sum up the comments of Honourable Members—most of them are concerned over the shortage of doctors. I have quoted figures of the increasing number of doctors over the last two or three years. We never had so many doctors and specialists before in the whole history of this country. That does not mean, as I mentioned the other day, that we are satisfied; we are certainly not. So, everything is being done to get more doctors into the Government service. I myself have been appealing year after year, whenever I get the opportunity, to our Malayan doctors to serve their country, the new nation, in what I always say “in this hour of need”.

The Honourable Member for Batu, the sole representative of the Socialist Front, or his Party, or the Selangor Labour Party, mentioned a moment ago that he is very much concerned with the health service of the General Hospital in Kuala Lumpur. In this respect I would say that, perhaps, the officials of his Party will assist in the campaign to get more doctors, Malayan doctors, to join the Government service and not to leave the Government service, as he says, to make more money outside.

I rather regret to hear throughout this debate from the Honourable Members of the Socialist Front and the PPP that they are fighting for more, better and bigger hospitals in Kuala Lumpur and in big towns. They show a distinct lack of sympathy for expansion of the health services

in the rural areas—but that is the firm policy of the Alliance Government, to wit, rural development and expansion of health services in the rural areas. However, it does not mean, Sir, that we are completely neglecting the towns. As I have said in my speech when introducing this Budget, the development and expansion must be on a priority basis, first priority being given to the rural areas. I have not heard one proposal from these two political parties for some expansion or better health service for the rural areas.

The Honourable Member for Kota Baharu Hilir has mentioned about the poor facilities of the Maternity and Child Health Clinic in Kota Baharu. I am glad to inform him that a new Maternity and Child Health Clinic with Domiciliary Midwifery Centre and a Dental Clinic will be built in Kota Baharu this year. (*Applause*).

I entirely disagree with the premise of the Honourable Member for Batu, with his suggestion or his claim, that there is inadequacy or shortage of drugs in hospitals. I have taken great pains to point out that we have been increasing the provision for drugs from \$3,300,000 in 1959 to nearly \$4 million in 1960, and now, for 1962, \$4.4 million has been provided for drugs. And I have, two days ago, given a categorical assurance that there shall be no shortage of drugs in any hospital, institution or clinic.

As regards the out-patients' department in Kuala Lumpur General Hospital, I have been there myself—on surprise visits on many, many occasions—and I see that things have indeed improved over the past year, and I am sure under normal circumstances a patient need not wait for more than about half an hour between seeing the doctor and being given the medicine.

As regards the Honourable Member's suggestion that we should launch “Operation Friendship”, I have said in my speech that we are having “Operation Service” plus courtesy

with efficiency to all the patients whether rich or poor.

Question put, and agreed to.

The sum of \$97,705,850 for Heads 24 and 25 ordered to stand part of the Schedule.

Heads 26-28—

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof): Mr. Chairman, Sir, it is my privilege to introduce the estimates of the Ministry of Information and Broadcasting on behalf of the Minister of Information and Broadcasting.

Permit me, Sir, to take the three Heads together, i.e., Heads 26, 27 and 28, and I accordingly move that the total sum of \$13,363,456 be approved.

As Honourable Members are aware, the Ministry came into being in June last year. In this portfolio we have the twin departments of Broadcasting and Information Services which include the Malayan Film Unit.

The most significant change this year lies in the introduction of Commercial Broadcasting. In this regard I have great pleasure in reporting that the contracted sales of air time has to-date passed the \$2¼ million mark. Revenue from this source for the year might reasonably be anticipated to be close to this figure.

While revenue-earning is an important consideration, it must be appreciated that the primary function of the Department of Broadcasting will always be to entertain, educate and inform the people while that of Information Services is to explain Government policy, plans and measures to the ra'ayat particularly those living in remote areas as well as project Malaya overseas. It is in this context that the estimates of the departments in this Ministry should be considered.

The Ministry is continually looking into ways and means of improving

mass communication techniques. In this connection I might perhaps, in passing, mention the agreement of Government to the introduction of Television into the country at some future date. A pilot scheme is being worked out and it is expected to be in operation before the end of 1963.

The total provision for the Ministry is \$13,363,456 the bulk of which is shared by the two departments.

I will now deal with the breakdown of this amount as shown in the Estimates. Under Head 26 there is provision for a Secretariat for the Ministry and its administrative expenses. Although the amount provided this year exceeds the provision for 1961, it is because the provision for 1961 was for half a year.

I now come to Department of Broadcasting. For the Jabatan Siaran Radio, the total expenditure for 1962 exceeds last year's figure by \$867,900. Except for the Sub-heads under Special Expenditure, the increase is practically all-round affecting Personal Emoluments and Annually Recurrent.

The increase in expenditure is largely occasioned by the need to man several new and much more powerful radio stations as part of our Development Plan to improve our medium-wave service all over the country, and to foster and encourage more regional broadcasting by the provision of better studio facilities in centres other than the Federal capital. The additional expenditure is necessary due to increased programme responsibilities and services, especially those affecting Commercial Broadcasting. As I mentioned earlier the sale of airtime contracted by Radio Malaya even before the Commercial Broadcasting started has exceeded \$2½ million. We might expect this welcome revenue figure of \$2¼ million for 1962 to increase steadily over the years with further improvements in our broadcasting technique and operations, by the provision of better facilities and better programmes. Radio Malaya also earns direct

revenue from the sale of radio licences, which have been increasing very steadily since 1955. Based on the latest available licence figures in 1961, the revenue from radio licensing alone has exceeded \$3¼ million. Therefore the expected Broadcasting revenue of say \$5½ million in 1962 over an operating budget of \$6,630,969 is, I submit, a welcome development. In short, for 1961, the Broadcasting revenue was over \$3¼ million against a Budget of \$5.8 million. For 1962, the revenue is expected to be \$5½ million against a Budget of \$6.6 million.

The increase of \$636,060 in Personal Emoluments is for normal salary increments and the creation of a number of new posts to enable the Department to meet its increased responsibilities as indicated earlier: new and more powerful radio stations, Commercial Service and better programme, engineering and news services. During the second half of 1961, Penang and Malacca began to operate on a three-network basis, and their commitments in 1962 will correspondingly increase. Kota Bharu will become fully operational before the end of 1962. The broadcast of special Adult Education programmes within the context of Rural Development is another important contribution in Radio Malaya's plan for this eventful year.

It must be emphasised that in spite of Commercial Operations and in spite of increasing revenue from Broadcasting, we will never lose sight of the primary aim and object of improving continuously our Broadcasting services to meet the growing need of the people, by way of wholesome entertainment, programmes with artistic and cultural content, and programmes with an informative and educational bias. The financial outlook on the Broadcasting front is encouraging. Revenue is overtaking expenditure and, if present trends continue, we can confidently expect to make ends not only meet but overlap in the not-too-distant future.

Now, I come to Information Services. This year's budget for Information Services including the Malayan Film Unit remains practically unchanged. There is an increase of \$119,927 over last year's provision principally due to increases under Personal Emoluments totalling \$84,537. Under O.C.A.R. there is an overall increase of \$22,900 and under O.C.S.E. \$12,490.

The increase under Personal Emoluments cannot be avoided being attributable mainly to increments in salaries and allowances due to the staff but \$15,000 is due to the creation of 11 junior appointments in Divisions III and IV which are necessary for the efficient running of the Department. However, these new posts are offset in part by the reduction of 5 posts in the Estimates.

The Malayan Film Unit is earning a considerable amount of revenue by making sponsored films and hiring out equipment and services. The Unit will endeavour not only to maintain its existing standard and output of films but also strive to improve the standard and quality of its productions and increase its revenue-earning capacity. Additional funds totalling \$34,000 have therefore been provided for the purchase of additional raw film stock and replacement of outmoded and unserviceable film equipment. Other than these two items there are no significant changes in its estimates this year.

Under O.C.A.R. the major increase lies in the provision of additional funds to augment M.F.U. production expenses as mentioned earlier. There is also an increase in the allocation of funds for the production of publicity material and prestige publications for servicing overseas posts.

Provision has been made under O.C.S.E. for the replacement of essential Film Unit equipment, worn-out air-conditioning sets and unserviceable boat units for use in visits to riverine kampongs in Pahang and Perak. In addition there is

provision for the normal annual replacement of condemned vehicles, cinema and public address equipment.

Mr. Chairman: Time is up.

House resumes.

Mr. Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee

of Supply which has been considering the Supply Bill, 1962, has progressed up to Head 25 of the Schedule of the Bill. The House is now adjourned to 10.00 a.m. tomorrow.

Adjourned at 6.30 p.m.